



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
TUAN SYED ANUAR BIN SYED MOHAMAD
SETIAUSAHA AGUNG GAGASAN PENDIDIKAN MELAYU MALAYSIA**

OLEH:

NOR NADIRA BINTI SULAIMAN

2011848698

NORUL SAHIZA BINTI IBRAHIM

2011612404

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)
TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
TUAN SYED ANUAR BIN SYED MOHAMAD
SETIAUSAHA AGUNG GAGASAN PENDIDIKAN MELAYU MALAYSIA**

OLEH:

NOR NADIRA BINTI SULAIMAN

2011848698

NORUL SAHIZA BINTI IBRAHIM

2011612404

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)**

ISI KANDUNGAN

TITLE	PAGE NO
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	ii
Biodata Tokoh.....	iii
Pengenalan.....	iv
Transkrip	
Bahagian A: Latar Belakang Tokoh.....	1
Bahagian B: Pengalaman Bersama GPMS.....	13
Bahagian C: Aktiviti Sosial.....	37
Senarai Soalan Wawancara.....	52
Log Wawancara.....	58
Indeks.....	61
Rujukan.....	63
Lampiran	
Surat kebenaran	
Surat Perjanjian	
Gambar	
Sijil penghargaan	

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t, syukur kami ke hadrat illahi kerana dengan limpahnya dapat kami sempurnakan tugas yang telah diberikan ini dengan jayanya setelah melalui pelbagai halangan dan cabaran bagi menyiapkan tugas ini bagi subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan *IMR 604*.

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Syed Anuar bin Syed Mohamad iaitu setiausaha Agung Gagasan Pendidikan Melayu Malaysia kerana beliau sudi meluangkan masa dan memberi kerjasama sepanjang temuramah ini berlangsung di pejabat beliau di Kuala Terengganu, Terengganu.

Tidak lupa juga kami ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah kami iaitu Puan Nor Kamariah bt Chik kerana sabar dan sudi memberi tunjuk ajar serta panduan yang berguna kepada kami dalam menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Disamping itu juga, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga kami dan kawan-kawan yang tidak putus-putus memberikan sokongan dan dorongan bagi menyempurnakan tugas ini. Jasa dan kerjasama dari semua pihak amat kami hargai sesungguhnya hanya Allah s.w.t sahaja yang mampu membalasnya.

Sekian, terima kasih.

Nor Nadira binti Sulaiman 2011848698

Norul Sahiza binti Ibrahim 2011612404

ABSTRAK

Abstrak: Temubual ini adalah di antara kami dengan Tuan Syed Anuar bin Syed Mohamad iaitu Setiausaha Agung Gagasan Pendidikan Melayu Malaysia. Wawancara ini dijalankan di pejabat beliau yang beralamat di pejabat gagasan negeri Terengganu. Sesi wawancara bersama Tuan Syed Anuar bin Syed Mohamad ini telah dijalankan pada hari Ahad, 13 Oktober 2013 pada pukul 12.10 tengahari. Temubual ini berkisar tentang latar belakang Tuan Syed Anuar bin Syed Mohamad dan pengalaman beliau dalam Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung. Selain itu, pelbagai pengalaman yang diperolehi oleh beliau ketika melibatkan diri dalam Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung. Ketika temuramah ini berlangsung, kami dapat mengetahui serba sedikit tentang perkembangan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung dari semasa ke semasa. Di samping itu juga temuramah ini dapat memberi serba sedikit gambaran tentang perjuangan yang dilakukan oleh Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung untuk memperjuangkan bangsa melayu terutamanya untuk meningkatkan budaya ilmu GPMS iaitu yang sentiasa berusaha untuk mengenalpasti pendedahan terbaru bagi memantapkan perjuangannya sesuai dengan cabaran masa kini.

Kata kunci: Tuan Syed Anuar bin Syed Mohamad, Gagasan Pendidikan Melayu Malaysia, Pejuang pelajar Melayu Semenanjung, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung.

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Gambar 1: Tuan Syed Anuar bin Syed Mohamad

Beliau dilahirkan pada 7 Januari 1965 di Kuala Terengganu. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Inggeris Pasir Panjang (Kini dikenali sebagai Sekolah Kebangsaan Tengku Bariah) sebelum melanjutkan pelajaran ke SM Tengku Bariah, Kuala Terengganu, Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK), Perak dan Sekolah Menengah Sultan Sulaiman Kuala Terengganu.

Beliau kemudiannya mengikuti pengajian di Maktab Perguruan Pasir Panjang, Maktab Perguruan Tengku Ampuan Afzan, Kuantan dan Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang. Beliau pernah memegang jawatan Timbalan Presiden GPMS, Naib Pengerusi MBN Terengganu, Timbalan Pengerusi JK Masjid Tok Ku Tuan Besar, AJK Majlis Pemuafakatan Badan Ilmiah Nasional (PEMBINA), AJK Sekreteriat Pengundi Muda Kebangsaan. Sekarang ini, beliau telah diamanahkan sebagai Setiausaha Agung Gagasan Pendidikan Melayu Malaysia (GAGASAN) selain memegang jawatan AJK Penyelaras DUN Bandar dan Ketua UMNO Cawangan Kampung Masjid Tok Ku. Kini beliau bertugas sebagai Pengurus syarikat motivasi Ted's Motivation and Training Centre.

Beliau suka membaca buku-buku ilmiah kerana menurut beliau ilmu sangat penting dan ilmu juga merupakan pelita hidup. Tanpa ilmu, maka gelaplah masa hadapan. Beliau sangat gemar menonton filem-filem Hindustan dan meminati muzik yang berentak irama Malaysia.

PENGENALAN

PENGENALAN

Temubual ini adalah di antara penulis dengan Tuan Syed Anuar bin Syed Mohamad iaitu setiausaha Agung Gagasan Pendidikan Melayu Malaysia. Wawancara ini dijalankan di pejabat beliau yang beralamat di pejabat gagasan Negeri Terengganu. Sesi wawancara bersama Tuan Syed Anuar bin Syed Mohamad ini telah dijalankan pada hari Ahad, 13 Oktober 2013 pada pukul 12.10 tengahari. Temubual ini berkisar tentang latar belakang Tuan Syed Anuar bin Syed Mohamad dan pengalaman beliau dalam Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS).

Beliau dilahirkan pada 7 Januari 1965 di Kuala Terengganu. Beliau mengikuti pengajian di Maktab Perguruan Pasir Panjang, Maktab Perguruan Tengku Ampuan Afzan, Kuantan dan Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang. Beliau pernah memegang jawatan Timbalan Presiden GPMS, Naib Pengerusi MBN Terengganu, Timbalan Pengerusi JK Masjid Tok Ku Tuan Besar, AJK Majlis Pemuafakatan Badan Ilmiah Nasional (PEMBINA), AJK Sekreteriat Pengundi Muda Kebangsaan. Sekarang ini, beliau telah diamanahkan sebagai Setiausaha Agung Gagasan Pendidikan Melayu Malaysia (GAGASAN) selain memegang jawatan AJK Penyelaras DUN Bandar dan Ketua UMNO Cawangan Kampung Masjid Tok Ku. Kini beliau bertugas sebagai Pengurus syarikat motivasi Ted's Motivation and Training Centre.

Temubual yang dijalankan selama satu jam setengah telah memberi fokus pada penglibatan beliau dalam GPMS dan Setiausaha Agung Gagasan Pendidikan Melayu Malaysia. Temubual tersebut menyentuh mengenai bagaimana Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) mempertahankan pelajar-pelajar melayu semenanjung dan juga melihat dari segi keupayaan GPMS itu sendiri yang dapat bertahan menjangkau masa yang lama sejak penubuhannya yang merupakan salah satu faktor mengapa kajian ini dibuat.

Tuan Syed Anuar bin Syed Mohamad berumur 48 tahun ketika ditemubual dijalankan dan pada ketika itu beliau memegang jawatan sebagai Setiausaha Agung Gagasan Pendidikan Melayu Malaysia. Beliau seorang yang sangat berwawasan dan berkarisma.

Kemuncak atau perkara penting yang diceritakan termasuklah strategi-strategi GPMS dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh GPMS sepanjang penubuhan gagasan tersebut sehingga dapat bertahan sehingga ke hari ini. Beliau juga banyak memberi nasihat dan kata-kata semangat terutamanya kepada golongan muda kerana menurut beliau golongan belia merupakan tunggak Negara.

SEJARAH PENUBUHAN GPMS



**Aminuddin Baki, Abdul Wahab Ariff, Mohd Nor Marahakim,
Abdullah Majid, Wan Sulaiman Pa'wanteh dan Siti Hasmah Mohd Ali.**

Gambar 2: Ahli GPMS

PENDAHULUAN

Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung atau The Federation of Malay Students Union, ringkasnya GPMS mempunyai sejarah yang tersendiri dan menarik untuk dikaji. Sejarah yang membawa kepada terbentuknya GPMS memakan masa yang begitu panjang sejak di zaman sebelum merdeka lagi. Ini bermakna, GPMS sebagai badan perjuangan bangsa dapat kita lihat menerusi simbol-simbol GPMS itu sendiri yang mana sentiasa mendorong para pelajar untuk membuat sesuatu kepada perjuangan agama, bangsa dan Negara. GPMS dibina atas kesedaran kebangsaan melayu, agama islam dan menjadi persatuan pelajar kebangsaan yang pertama atau yang tertua di Negara ini.

GPMS sudah lama bertapak dan mendapat nama di Malaysia yang telah mengalami beberapa peringkat perkembangan dalam perjuangannya. Dalam menempuh perjuangannya hamper setengah abad itu, GPMS masih kekal relevan dan masih kuat untuk memperjuangkan anak bangsa yang tidak putus-putus memberikan sumbangan kepada Negara melalui program pendidikan, kebajikan dan sebagainya.

PENUBUHAN GPMS

Pada tahun 1948, Konvensyen Pelajar-Pelajar Melayu seluruh Semenanjung Tanah Melayu telah membuat ketetapan bersetuju menubuhkan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung atau lebih dikenali dengan GPMS.

Penubuhan GPMS digerakkan oleh enam orang mahasiswa 'Raffles College' dan Kolej Perubatan King Edward, Singapura. Mereka diketuai oleh Aminuddin Baki, Abdul Wahab Ariff, Mohd Nor Marahakim, Abdullah Majid, Wan Sulaiman Pa'wanteh dan seorang siswi perubatan, iaitu Siti Hasmah Mohd Ali. Mereka bertanggungjawab mengadakan konvensyen dan menubuhkan Jawatankuasa Sementara GPMS.

Selepas pendudukan Jepun, Tanah Melayu bergolak dan kesedaran kebangsaan menjadi kenyataan. Pada masa itu GPMS ditubuhkan atas kesedaran bangsa Melayu iaitu:

SEDAR atas perlunya disatukan tenaga sekian pelajar-pelajar Melayu seluruh Semenanjung Tanah Melayu.

SEDAR akan kemunduran kami dalam alam pengetahuan.

SEDAR atas kewajipan kami untuk meninggikan darjat pengetahuan bangsa.

SEDAR bahawa maju mundur, kaya miskin dan hina mulianya bangsa itu di tangan kami.

GPMS dibina atas kesedaran kebangsaan Melayu, agama Islam dan menjadi persatuan pelajar kebangsaan yang pertama kali ditubuhkan di negara ini. Segala perjuangan GPMS sebelum merdeka menjadi sebahagian gerakan nasionalisme negara ini.

Kini GPMS terus memberikan sumbangan kepada negara melalui program pendidikan, kebajikan, keagamaan dan kebudayaan. Keseluruhan program tersebut dipadankan dengan tujuan GPMS iaitu 'menjaga hak-hak, mengemukakan segala permintaan dan memperbaiki keadaan pelajar Melayu dari segenap lapisan'.

GPMS dan badan-badan gabungannya berjaya melahirkan pemimpin negara dalam pelbagai lapangan. Antaranya dalam bidang politik lahirlah pemimpin termasuk Y.A.Bhg. Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi (bekas Perdana Menteri Malaysia ke 5), Y.A.Bhg. Tun Musa Hitam (bekas Timbalan Perdana Menteri), Dato' Mohamed Rahmat, Dato' Ali Haji Ahmad, YB Hussein Mahmood, YB Dato' Rosnah Majid (Kedah), YB Dato' Hasan Malek, YB Dato' Suhaimi Ibrahim, YB Dato' Rahman Palil (Selangor), YB Dato' Abdul Rahman Karim (Melaka), YB Dato' Sulaiman Shafie (Perlis), YB Datuk Seri Panglima Lajim Ukin (Sabah), Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican dan ramai lagi. .

Dalam perkhidmatan awam pula terdapat tokoh seperti Tun Abdullah Ayob, Tan Sri Abdullah Salleh, Tan Sri Ishak Tadin, Tan Sri Ishak Pateh Akhir, Tun Hanif Omar, Tan Sri Rozhan Kuntom, Tan Sri Sallehuddin Mohamed, Tan Sri Alwee Jantan, Tan Sri Kamaruzaman Shariff, Tan Sri Zainal Ariff, Dato' Mohd Nor Ismail, Dato' Mohd Amir

Haji Yaakub, Puan Ann Abd. Majeed, Puan Zaharah Mokhtar, Dato' Mariam Majid dan Dato' Sehan Awang Ain.

Dalam bidang pendidikan pula, muncul tokoh seperti Prof. Dato' Dr. Awang Had Salleh, Prof. Farid M. Onn, Prof. Amir Awang, Prof. Dr. Haji Raja Mokhtaruddin Mohd Dain, Prof. Dr. Syed Hussin Ali, Dato' Prof. Nik Abdul Rashid Majid, Dato' Paduka Dr. Abd Wahab Mohd Ariff, Tan Sri Nordin Kardi, Dato' Sri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah, Dato' Dr. Firdaus Abdullah, Dato' Dr. Ahmad Faiz Abdul Hamid, Dr. Yahya Md. Hassan, Dr. Siti Hawa Kassim dan Dato' Dr. Sharifuddin Zainudin. Tidak ketinggalan juga dalam bidang penulisan, lahirnya orang-orang GPMS seperti Dato' M. Noor Azam, Sultan Shahril Lembang, Hashim Amir Hamzah dan Dato' Jaafar Abdul Rahim.

GPMS memperkenalkan konsep kelas bimbingan di negara ini dalam tahun 1950-an. Kegiatan kelas bimbingan mendapat sambutan yang baik daripada pelajar dan masyarakat. Mulai tahun 1960-an badan belia di negara ini mula menjadikan kelas bimbingan sebagai aktiviti persatuan masing-masing.

Dalam tahun 1958, GPMS mula meneroka aktiviti baharu dengan mengadakan kursus pelajar. Menerusi kursus ini konsep perkhidmatan masyarakat diperkenalkan. Ahli GPMS khususnya dari Universiti Malaya, mendampingi masyarakat dan meniupkan kesedaran bahawa pelajaran kunci kemajuan bangsa. Hasil dari kejayaan program itu, projek Gerakan Obor dipergiatkan dan pada 1971, GPMS melancarkan Operasi Pembangunan Masyarakat di beberapa buah tempat di negara ini.

Pada tahun 1970-an dan 1980-an, GPMS berusaha membantu pelajar melalui program siri ceramah teknik menjawab soalan peperiksaan SPM dan STPM. Pada zaman pembangunan teknologi maklumat ini, GPMS merintis program baharu iaitu siri Ceramah Bimbingan Kerjaya dan Projek Khemah Kerjaya. Segala aktiviti yang menjurus kepada pendidikan menjadi perjuangan utama GPMS. GPMS sentiasa bekerjasama dengan badan-badan lain yang berusaha meninggikan taraf pelajaran anak bangsa.

Pada tahun-tahun 1990-an pula, GPMS memberi tumpuan kepada usaha untuk menyusun semula organisasi dan memantapkan lagi perjuangan sesuai dengan perkembangan dan perubahan semasa. Program-program baharu diperkenalkan menerusi Agenda Perdana GPMS yang dikenali sebagai Agenda 20 semasa meraikan ulang tahun GPMS kali ke-50 pada tahun 1998 dengan memberi penekanan kepada kumpulan sasar pelajar yang lemah dan bermasalah, golongan siswa serta anggota masyarakat.


Pada awal tahun 2000, GPMS memperhebatkan aktivitinya dengan melatih seramai 10 orang fasilitator bagi setiap daerah dengan tujuan membimbing dan merencanakan kegiatannya di seluruh negara. Beberapa kajian dan permasalahan yang melibatkan remaja, pencapaian pelajar-pelajar Melayu dilakukan bagi mengenalpasti punca serta mengemukakan beberapa cadangan untuk mengatasi masalah tersebut.

Sambutan Malam Gemilang Adiwangsa 60 tahun GPMS pada tahun 2008 memberi gambaran yang jelas bahawa GPMS tetap relevan selagi mana ilmu dan pendidikan menjadi keutamaan dalam menentukan kemajuan negara. Keutuhan dan kredibiliti GPMS dipertahankan dan dimantapkan dari semasa ke semasa agar seiring dengan kemajuan dunia. Mulai tahun 2009, kepimpinan GPMS bertukar tangan kepada pemimpin yang berumur di bawah 40 tahun mengikut ketetapan Akta 668 - Akta Pertubuhan dan Pembangunan Belia 2007.

Kepimpinan muda ini telah mengorak langkah dengan lebih pantas lagi dengan penambahan cogan kata baharu iaitu “GPMS SINGA PERJUANGAN BANGSA”. Sentiasa diperingatkan jua bahawa perjuangan GPMS bukanlah setakat berani memperjuangkan isu pendidikan dan Melayu dengan hanya membuat kenyataan dalam akhbar, bantahan atau demonstrasi sahaja.

RIWAYAT HIDUP DAN PERJUANGAN ALLAHYARHAM AMINUDDIN BAKI

Biografi Aminuddin Baki: Arkitek Pendidikan Negara (Cetakan Kedua). 2010. Penerbit UKM: Bangi. ISBN 978-967-942-849-0 (kulit lembut). 246 halaman. RM 35.00. Rozeman Abu Hassan.



Gambar 3: Allahyarham Aminuddin Baki

Berasal dari Chemor, Perak. Beliau dilahirkan pada 26 Januari 1926. Zaman persekolahannya bermula dari Sekolah Melayu Chemor dan kemudian diteruskan ke Sekolah Anderson, Ipoh, Perak. Allahyarham melanjutkan pelajarannya ke Universiti Malaya Singapura pada tahun 1947. Kecemerlangannya dalam pelajaran melayakkan beliau menerima anugerah Queen's Scholarship dan seterusnya sebagai Queen's Fellow di Universiti London.

Kerjayanya di bidang pendidikan bermula dengan menjadi guru di Sekolah Inggeris Sultan Yusof, Batu Gajah Perak dan Sekolah Anderson Ipoh, Perak pada tahun 1951-1952. Pada tahun 1953, Allahyarham menjadi Pensyarah di Sultan Idris Training College, Tanjung Malim (kini Universiti Pendidikan Sultan Idris). Allahyarham juga pernah menjadi pensyarah sambilan di Kolej Islam Kelang pada tahun 1959.

Penglibatannya dalam pergerakan pelajar bermula sejak tahun 1946 apabila Allahyarham turut bersama menubuhkan Persatuan Pelajar Melayu Insaf (PERMI) di Ipoh yang kemudian dikembangkan ke seluruh Perak. Lanjutan dari itu, Allahyarham bersama beberapa orang rakannya di Universiti Malaya, Singapura telah menaja

penubuhan sebuah gabungan pelajar yang lebih besar iaitu Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung, ringkasnya GPMS. GPMS ditubuhkan secara rasmi dalam bulan Ogos 1948 di Kuala Lumpur dengan Abdul Wahab Ariff menjadi Presidennya yang pertama. Allahyarham turut menerajui GPMS sebagai Presidennya yang kedua dan keempat. Beliau juga telah dilantik menjadi Penasihat GPMS untuk dua penggal iaitu antara tahun 1961-1962 dan tahun 1964-1965.

Ketokohan Allahyarham dalam bidang pendidikan dan pandangan bernasnya dalam beberapa perkara yang bersangkutan dengan bidang tersebut menyebabkan Allahyarham diberi penghormatan untuk menduduki beberapa jawatankuasa menggubal dasar pelajaran. Antaranya ialah Jawatankuasa Bernas 1951, Jawatankuasa Penyata Pelajaran Razak 1955, Jawatankuasa Rahman Talib 1960 dan Jawatankuasa Merancang Pelajaran Tinggi. Allahyarham juga menganggotai Jawatankuasa Penyiasat Mogok Pelajar-pelajar Sultan Idris Training College 1950, Pengerusi Jawatankuasa Menyiasat Kelemahan Murid-murid Melayu dalam memasuki Sekolah Menengah, Jawatankuasa Ejaan Melayu-Indonesia, Ahli Lembaga Pengelola DBP, Pengerusi Dewan Kebudayaan Tanah Melayu dan anggota Suruhanjaya Fullbright.

Allahyarham telah dilantik sebagai Ketua Penolong Setiausaha Kementerian dan Ketua Pengawal Pelajaran di Negeri Sembilan dan Selangor sebelum menjawat jawatan terakhirnya sebagai ketua Penasihat Pelajaran yang kini dikenali dengan Ketua Pengarah Pendidikan. Allahyarham memegang jawatan ini hanya selama empat tahun kerana telah disuratkan pada 24 Disember 1965, Allahyarham kembali ke rahmatullah.

Peranannya dalam mengilhami Sistem Pendidikan Kebangsaan telah menghasilkan banyak kejayaan. Antara jawatankuasa-jawatankuasa yang disertainya telah memperakukan kewibawaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di peringkat sekolah hinggalah ke universiti dan sekali gus meletakkan Bahasa Melayu pada tarafnya yang hakiki. Masalah keciciran pelajar-pelajar Melayu dari sekolah rendah ke sekolah menengah telah juga diatasi melalui syor-syor yang dikemukakan dalam Penyata Aminuddin Baki 1962. Perubahan yang lebih ketara ialah permulaan sijil-sijil

peperiksaan Lower Certificate of Education, Senior Cambridge dan seterusnya Higher School Certificate.

Seluruh tenaga yang digemblengnya dalam mendaulatkan keunggulan dan ketuanan Melayu dalam semua bidang sama ada di bidang pendidikan, sejarah, bahasa dan sebagainya telah dikagumi bukan sahaja oleh masyarakat tempatan malahan di peringkat antarabangsa, UNESCO, mengiktiraf Allahyarham sebagai perancang pelajaran yang terkemuka di Asia. Penulis-penulis tempatan menyifatkan Allahyarham sebagai panglima, pahlawan dan pemikir pendidikan moden.

Allahyarham meninggal dunia dalam usia yang masih muda iaitu 39 tahun meninggalkan tiga orang putera hasil perkahwinannya dengan Puan Noraini bt Abu Bakar. Walaupun beliau telah lama pergi, jasa-jasa beliau tetap terus dikenang sehingga kini.

Aminuddin bin Baki adalah seorang insan yang cukup istimewa dalam kalangan warga pendidik di Malaysia. Beliau meninggal dunia lebih 40 tahun lamanya tetapi jiwa pendidik yang dimiliki oleh Aminuddin Baki dikatakan telah mengalir secara berterusan kepada guru-guru di negara ini. Ketokohan dan kegigihan Aminuddin Baki dalam memperjuangkan nasib pelajar-pelajar Melayu dari segi pelajaran dan meningkatkan martabat bangsa Melayu sendiri amat dikagumi. Aminuddin adalah tokoh yang terkenal dengan perjuangannya dalam pertubuhan GPMS. Perjuangan beliau dianggap sebagai 'vanguard' iaitu pelapor dalam membangkitkan semangat perjuangan anak-anak Melayu dalam bidang pelajaran.

Niat murni Aminuddin Baki telah melahirkan satu semangat yang tinggi kepada pelajar-pelajar Melayu untuk berjaya dan meningkatkan status bangsa Melayu. Bagi golongan pendidik, Aminuddin Baki dianggap sebagai Bapa Pemodelan Pelajaran kerana cetusan idea-idea beliau yang telah menyumbang sehingga merintis kepada lahirnya 'Dasar Pelajaran Kebangsaan' di Malaysia. Sebagai seorang pendidik dan pentadbir, Aminuddin telah banyak berjasa kepada bangsa dan Negara terutamanya kepada bangsa

Melayu. Tidak salah jikalau beliau diiktiraf sebagai ‘Arkitek Pendidikan Negara’ bagi mengenang segala sumbangan yang pernah dilakukan.

SENARAI JAWATAN TERTINGGI GPMS SESI/ PENGGAL : 2012-2015



SENARAI JAWATANKUASA TERTINGGI GPMS SESI/PENGGAL : 2012-2015

The organizational chart for GPMS Sesi/Penggal 2012-2015 is structured as follows:

- PRESIDEN**: [Portrait]
- TWAS. PRESIDEN**: [Portrait]
- PENGERUSI TETAP**: [Portrait]
- NAIB PRESIDEN**: [Portrait]
- SETIAUSAHA AGUNG**: [Portrait]
- MAJLIS TERTINGGI**: [Grid of 12 portraits]
- PENERUSI NEGERI**: [Grid of 12 portraits]

Additional elements on the right side of the chart include:

- 2013** logo with the website www.gpms.my
- A calendar for **Januari** (January) 2013, showing days of the week (R, S, A, H, K, J, S) and dates from 1 to 31.

Gambar 4: Carta Organisasi GPMS SESI/ PENGGAL : 2012-2015

KAEDAH KAJIAN

Bagi menjayakan penulisan ini, bahan-bahan untuk penulisannya didapati dalam dua cara iaitu :

a) Pengumpulan data

Penulis mencuba sedaya upaya mengumpulkan data-data sebanyak mungkin yang mana dianggap perlu dan ada kaitan dengan kajian ini. Dalam hal ini, penulis juga mencari data-data dari perpustakaan dan orang-orang perseorangan yang boleh membantu penulis mendapatkan maklumat dan bahan-bahan untuk kajian tersebut. Bahan yang didapati termasuklah bahan seperti minit mesyuarat, laporan tahunan, buku-buku taklimat dan penerangan dan juga bahan-bahan yang tidak diterbitkan serta melampirkan gambar dalam jadual.

b) Kajian luar



Gambar 5: Temuramah bersama Tuan Syed Anuar bin Syed Mohamad

Penulis membuat kajian luar dengan dua cara iaitu melalui temu bual dan pemerhatian. Kaedah ini penting bagi penulis untuk mendapatkan keterangan yang mendalam tentang sesuatu fakta dan kenyataan tentang GPMS.

c) MP3



Gambar 6: MP3

Penulis menggunakan alatan seperti MP3 untuk merakam suara tokoh GPMS iaitu Tuan Syed Anuar bin Syed Mohamad supaya suara beliau boleh didengar dengan jelas dan tepat bagi melancarkan lagi proses kajian penulis.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang Tuan Syed Anuar bin Syed Mohamad iaitu setiausaha Agung Gagasan Pendidikan Melayu Malaysia. Wawancara ini dijalankan di pejabat beliau yang beralamat di pejabat Gagasan Negeri Terengganu. Sesi wawancara bersama Tuan Syed Anuar bin Syed Mohamad ini telah dijalankan pada hari Ahad, 13 Oktober 2013 pada pukul 12.10 tengah hari. Temubual ini berkisar tentang latar belakang Tuan Syed Anuar bin Syed Mohamad dan pengalaman beliau dalam Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung. Berikut adalah hasil rakaman yang dijalankan.

Petunjuk:

TS : Tuan Syed Anuar bin Syed Mohamad

NN : Nor Nadira binti Sulaiman

NS : Norul Sahiza binti Ibrahim

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

NN : Assalamualaikum, pada jam *dua belas sepuluh* [12.10] tengah hari *tiga belas* [13] Oktober 2013 bertempat di Pejabat Gagasan Negeri Terengganu. Saya Nor Nadira binti Sulaiman dan sahabat saya Norul Sahiza binti Ibrahim, pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Sistem Maklumat dari Fakulti Pengurusan Maklumat *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] Cawangan Kelantan. Kami akan mewawancara mantan Setiausaha Agung *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] yang kini Setiausaha Pendidikan Melayu Malaysia. Kami berbesar hati kerana cikgu sudi meluangkan masa untuk

ditemuramah. Wawancara ini dijalankan bagi memenuhi keperluan tugas bagi subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan. Bagi memulakan sesi wawancara ini, boleh cikgu ceritakan sedikit mengenai tentang latar belakang dan keluarga cikgu?

TS : *Okay* [baiklah] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh nama saya Syed Anuar bin Syed Mohamad. Saya dilahirkan pada *satu* [1] Januari *sembilan belas enam puluh lima* [1965] (bunyi motosikal) iaitu ketika *empat puluh lapan* [48] tahun yang lepas di Kuala Terengganu. Sekarang saya sekeluarga tinggal di Taman Desa Paloh, Kuala Terengganu. Saya mempunyai seorang isteri dan telah dikurniakan *lima* [5] orang anak, *seorang* [1] lelaki *empat* [4] perempuan yang lelaki yang pertama berumur *sembilan belas* [19] tahun dan *empat* [4] yang perempuan yang bongsu berumur *lapan* [8] tahun. *Bila* [apabila] bercakap soal latar belakang ini, saya sebenarnya tidak mempunyai satu sejarah silam yang hebat. Saya dilahirkan dalam keluarga yang sederhana dan ketika saya berumur *tujuh belas* [17] tahun, bapa saya telah pun meninggal dunia. Jadi kehidupan kami sekeluarga dibawah jagaan ibu saya dan ketika ayah saya meninggal, abang saya yang sulung baru semester *tiga* [3] di *ITM* [Institut Teknologi Mara], Shah Alam dan saya anak yang ke empat manakala adik saya yang bongsu yang ke *sepuluh* [10] *dua* [2] bulan dalam kandungan ibu saya. Jadi, berdasarkan latar belakang itu, memanglah kita mendaki kehidupan ini dalam suasana yang tidak selesa tetapi sederhana. Alhamdulillah, berkat dari kegigihan ibu saya, akhirnya kami *bersepuluh* [10] berjaya dengan kerjaya

masing-masing. Dari segi pendidikan, saya mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Inggeris Pasir Panjang kemudian dikenali Sekolah Kebangsaan Tengku Bariah. Kemudian saya meneruskan pengajian saya di Sekolah Menengah Tengku Bariah dan selepas menamatkan *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia], saya ditawarkan ke tingkatan *enam* [6] ketika itu dipanggil tingkatan *enam* [6] sebagaimana sekarang Pra Universiti di Kolej Melayu Kuala Kangsar. Oleh kerana desakan keluarga, desakan kehidupan keluarga ketika itu, telah tidak memungkinkan saya menamatkan pengajian (bunyi kereta) dengan mengambil *STPM* [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] di Kolej Melayu Kuala Kangsar. Saya terpaksa pulang ke Negeri Terengganu semasa saya berada di pertengahan tingkatan *enam* [6] atas dan saya meneruskan pengajian saya di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman dan mengambil *STPM* [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] di sekolah berkenaan. Setelah tamat tingkatan *enam* [6], saya menghabiskan masa sekitar *dua* [2] tahun, menjadi guru sementara mengajar Bahasa Inggeris dan Matematik di Sekolah Kebangsaan Seri Nilam, Kuala Terengganu. Kemudian saya melanjutkan pengajian ke Maktab Perguruan Pasir Panjang, Kuala Terengganu. Maktab itu sekarang sudah *jadi* [menjadi] sejarah, sudah tidak ada dimana sekarang ada Sekolah Sains Kuala Terengganu. Kemudian saya selepas menamatkan pengajian di maktab, saya ditugaskan di sekolah yang pertama di Sekolah Kebangsaan Gondam, Marang selama *lima* [5] tahun kemudian saya bertukar ke Sekolah Kebangsaan Seri Budiman *dua* [2] dan semasa mengajar di Sekolah Seri Budiman *dua* [2], saya

melanjutkan pengajian saya ke Universiti Putra Malaysia dan selepas menamatkan pengajian disana, saya ditempatkan di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ahmad pada tahun *sembilan belas sembilan puluh* [1990] dan karier pendidikan sayapun berakhir di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ahmad kerana pada tahun *dua ribu sepuluh* [2010] saya memohon (bunyi kereta) untuk pencen awal untuk melibatkan diri dalam perniagaan sendiri iaitu menguruskan syarikat motivasi berorientasikan pendidikan.

NN : Jadi, selepas — Pada tahun berapakah cikgu mendirikan rumah tangga?(bunyi kenderaan)

TS : Saya mendirikan rumah tangga pada tahun *sembilan belas sembilan puluh dua* [1992]. Ketika itu saya berumur *dua puluh tujuh* [27] tahun dan isteri saya berumur *dua puluh empat* [24] tahun.

NN : Nama isteri cikgu?

TS : Isteri saya Syarifah Nur Madinah Syed Ahmad sebab dia dilahirkan malam raya haji sebab itu Syarifah Nur Madinah Syed Ahmad.

NS : Adakah isteri cikgu bekerja?

TS : Peringkat awal, isteri saya bekerja di Pejabat Haiwan negeri Terengganu. Kemudian apabila kami mendapat anak pertama, saya nasihatkan beliau untuk berhenti kerana kesibukan masa saya dengan aktiviti luar yang saya bimbang

akan menyebabkan tumpuan kepada anak –anak tidak sempurna jika dia bekerja, jadi sekarang dia menjadi suri rumah sepenuh masa.

NN : Boleh cikgu ceritakan sedikit bagaimana cikgu berkenalan dengan isteri cikgu?

TS : Saya fikir dari segi sejarah perkenalan saya dengan isteri saya ini tidak sebagaimana anak-anak muda hari ini sebab kami ketika itu mempunyai halangan-halangan yang kami patuhi dan (bunyi motosikal) dengan mudah saya boleh sebut dia merupakan pilihan keluarga walaupun berkenan di hati *tapi* [tetapi] dia lah pilihan keluarga. Jadi, proses percintaan itu tidak sebagaimana anak muda hari ini.

NN : Apakah tahap pendidikan semua anak-anak cikgu?

TS : Anak saya yang pertama yang sekarang berkursus ataupun berada di kolej *PTPTL* [Pusat Teknologi dan Pengurusan Lanjutan] sedang berkursus Diploma Elektrik dan Elektronik semester *empat* [4] manakala anak saya yang kedua insyaAllah akan mengambil *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] pada tahun ini di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ahmad, yang ketiga baru tingkatan dua di Sekolah Agama Tok Jiring Kuala Terengganu manakala yang ke empat [4] dan yang ke *lima* [5] masing-masing tahun *dua* [2] dan *tiga* [3] di Sekolah Kebangsaan Losong, Kuala Terengganu.

NN : Boleh cikgu ceritakan asal keturunan cikgu syed?

TS : Kalau kita ikut sejarah asal saya ini (bunyi kertas diselak), memanglah sebagaimana yang diketahui umum, keturunan saya ini berasal dari Hadramawt iaitu di Yaman. Kalau kita lihat sejarah perkembangan Islam khususnya di Negeri Terengganu, (bunyi kereta) ia dimulakan ataupun dirintis oleh ulama-ulama yang daripada Hadramawt ini dan bertempat asas yang pertama di Negeri Terengganu ialah sekarang kita kenali di Kampung Tokku. Kalau kita pergi di Kampung Tokku itu kita akan bertemu dengan sebuah masjid yang kita namakan Masjid Tokku Tuan Besar. Tokku Tuan Besar ini ialah orang pertama yang membuka kampung di situ dan anaknya ialah Tokku Paloh sebab itu kita kenal satu kampung lagi yang namanya kampung Tokku Paloh dimana dia mengembangkan penyebaran agama disitu. Jadi ini serba sedikit daripada asalnya.

NN : Nama penuh bapa cikgu dan ibu cikgu?

TS : Nama penuh allahyarham ayah saya Syed Mohamad bin Tuan Baru atau Syed Husin (bunyi motosikal) manakala ibu saya bernama Tuan Azizah bt Chik. (bunyi kertas diselak)

NN : Makanan kegemaran dan minuman cikgu?

TS : Makanan kegemaran saya ini saya makan semua yang halal *tapi* [tetapi] saya tidak makan makanan yang terlalu berat, yalah selain daripada makanan asasi kita iaitu nasi, saya suka makanan yang berbentuk mee ataupun yang dihasilkan daripada laksa, mee sup dan sebagainya manakala minuman saya minum minuman panas. Saya tidak minum minuman sejuk dan saya melarang anak-anak saya untuk minum minuman sejuk yang kita tahu banyak penyakit. Jadi minuman saya, nescafe tarik.

NN : Apakah buku kegemaran cikgu?

TS : Berdasarkan penglibatan saya dalam dunia pendidikan, kemudian penglibatan saya dengan *NGO* [Non-Governmental Organization] yang berorientasikan pendidikan, sudah pastilah (bunyi kereta) saya amat menyukai buku-buku yang bercakap soal pendidikan, khususnya pendidikan Melayu disamping buku-buku yang boleh menambahkan motivasi dan peningkatan jati diri saya disamping buku-buku politik.

NN : Idola cikgu? (bunyi mosikal)

TS : Kalau bercakap soal idola, berbalik pada sejarah saya semasa saya kembali daripada Kolej Melayu Kuala Kangsar ke Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ahmad, sampai sahaja di sekolah tersebut saya diarah untuk mengikuti satu kursus yang dianjurkan oleh biro tatanegara dan Alhamdulillah ketika di kursus berkenaan saya diketemukan dengan seorang manusia yang bernama Nordin Kardi. (bunyi kereta) Hari ini namanya Tan Sri Dr.Nordin Kardi, Mantan Naib Canselor *UUM* [Universiti Utara Malaysia]. Ketika itu beliau menjawat jawatan Setiausaha Agung *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung]. Jadi dari situlah saya banyak mengutip cara hidupnya, (bunyi kereta) ilmunya untuk saya adaptasi dalam diri saya dan akhirnya saya bersama *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] atas galakan beliau dan sehingga hari ini pun saya mempunyai hubungan yang cukup rapat dengan beliau.

NS : Apakah hobi cikgu pada masa lapang?

TS : Jawapan yang cukup payah saya *nak* [hendak] jawab sebab sebenarnya saya tidak ada masa lapang kecuali tidur. Maksud saya, ketika menjadi guru, (bunyi motosikal) waktu selain waktu wajib mengajar, saya melibatkan diri saya sepenuh masa dengan kegiatan-kegiatan dibawah *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] ini. Jadi, maknanya waktu lapang saya, saya banyak menghabiskan dengan merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti untuk

pelajar-pelajar Melayu sebab itu saya katakan tidak ada waktu lapang. Maksudnya, waktu untuk berehat tidak ada tapi mungkin penglibatan dalam GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] itu boleh dikatakan mengisi waktu lapang saya lah selain waktu wajib sebagai seorang pendidik. (bunyi kertas diselak)

NN : Apakah pekerjaan tetap cikgu?

TS : Sekarang saya membuka satu syarikat yang berorientasikan motivasi (bunyi kertas diselak) yang dikenali Jentik Minda Resources. Saya menjadi pengurus Jentik Minda Resources dan kita melaksanakan program-program motivasi, kepimpinan dan peningkatan sahsiah khususnya kepada pelajar-pelajar seluruh Negara.

NN : Tahun berapakah cikgu mula mengajar?

TS : Saya mula mengajar pada tahun *sembilan belas lapan puluh sembilan* [1989] (bunyi kereta) dan saya pencen pada tahun *dua puluh sepuluh* [2010].

NN : Sumbangan cikgu kepada sekolah?

TS : *Bila* [apabila] bercakap soal sumbangan *pada* [kepada] sekolah, selain daripada (bunyi kereta) tugas wajib saya, saya terlibat sebagaimana saya sebut tadi lah, dengan program-program peningkatan sahsiah dan sebagainya apatah lagi di saat-saat akhir saya menjadi sebagai seorang pendidik saya telah dilantik

sebagai seorang kaunselor sepenuh masa dan disitulah saya kembangkan pengalaman, ilmu saya selain daripada hakiki saya sebagai seorang kaunselor untuk saya laksanakan di sekolah berkenaan. (bunyi kereta)

NS : Selama cikgu bergelar sebagai seorang pendidik, apakah jawatan tertinggi yang cikgu pernah pegang di sekolah?

TS : Di sekolah saya hanya menjadi guru biasa cuma mungkin jawatan tertinggi jawatan terakhir saya sebagai seorang kaunselor sepenuh masa yang diberikan tanggungjawab untuk mengendalikan pelajar-pelajar pra Universiti sejak tahun *sembilan belas sembilan puluh lima* [1995] hari itu sehingga saya pencen pada *Julai dua puluh sepuluh* [2010].

NS : Saya pasti semasa di sekolah mesti banyak kenangan manis pahit di sekolah. Jadi apa kenangan yang *tak* [tidak] boleh cikgu lupakan ketika cikgu masih menjadi seorang guru?

TS : Yalah, sepanjang karier saya sebagai seorang pendidik, saya memangapa-apa jawatan pun guru dan sebagainya kita mempunyai ujian manis dan pahit. Sebenarnya pada saya secara ikhlas, kenangan manis saya apabila kita berada di sekolah, bekas pelajar kita kembali ke sekolah untuk menyumbang apa yang mereka ada. Saya ambil satu contoh, semasa berada di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ahmad, kita menggalakkan pelajar-pelajar kita yang berada di universiti kembali ke sekolah untuk berkongsi pengalaman mereka dengan

pelajar-pelajar baru khususnya dengan pelajar-pelajar tingkatan *enam* [6] bawah. Pada saya, ia merupakan proses membalas jasa berlaku di sekolah itu dan pada saya, inilah kenangannya. Begitu *jugak* [juga] apabila saya berada diluar bidang pendidikan sekarang, berjumpa dengan bekas pelajar saya yang sudah pasti lebih baik, lebih cemerlang daripada saya dari segi jawatannya, tapi mereka masih mengenali saya dan mereka masih mengingati saya sebagai seorang guru mereka. Saya rasa kalau tanya pendidik lain pun, inilah suatu nikmat apabila pelajar masih mengenali gurunya dan pelajar berjaya lebih baik daripada gurunya.

NN : Betul *tu* [itu] cikgu. Apakah pendapat peribadi cikgu mengenai guru pada masa dahulu dan sekarang melalui pengalaman cikgu selama penglibatan cikgu sebagai guru?

TS : Ya, memang ada perbezaan guru dahulu dan guru sekarang. Guru *dulu* [dahulu] ialah guru yang betul-betul mempunyai komitmen dan minat untuk membina anak bangsanya dan saya *tak* [tidak] katakan bahawa guru hari ini tidak begitu. Tetapi sebahagian guru hari ini menganggap kerjaya pendidikan itu sebagai pilihan terakhir mereka. Apabila berlaku begitu, sudah pasti dari segi komitmen mereka, dari segi tumpuan mereka, fokus mereka kepada anak didik tidak sehebat guru sewaktu dahulu. Apatah lagi hari ini kita dikelilingi oleh pelbagai unsur-unsur politik yang menguasai guru berkenaan (bunyi motosikal) yang manakala guru ini yang kita harapkan untuk membela generasi masa depan tapi

secara tidak sedar mereka telah masukkan unsur-unsur yang boleh merosakkan pemikiran anak muda, anak didik mereka akhirnya tidak akan memberikan satu pulangan yang terbaik khusus kepada agama dan bangsa mereka. Ada sebahagian, bukannya semua.

TAMAT BAHAGIAN A

BAHAGIAN B: PENGALAMAN BERSAMA GABUNGAN PELAJAR MELAYU SEMENANJUNG (GPMS)

NN : Bilakah cikgu menyertai *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] *ni* [ini]?

TS : Saya terlibat dalam *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] sebagaimana saya sebut tadi, semasa saya kembali ke Kolej Melayu Kuala Kangsar ke Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman. Pada tahun 1984. Hasil daripada kursus dibawah biro tatanegara itulah saya bersama kumpulan saya ketika itu diberikan mandat untuk membaikpulih *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] Negeri Terengganu yang ketika itu sekadar ada nama sahaja dan kami telah pun membina kembali *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] Negeri Terengganu dan terus cemerlang sehingga sampai ke satu tahap yang boleh membanggakan kita

NN : Adakah cikgu telah aktif dalam persatuan *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] ini semenjak di sekolah lagi?

TS : Ya, *sejak* [semenjak] *sembilan belas lapan puluh empat* [1984], saya terlibat dengan *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] sehingga saya berada dalam bidang pendidikan sebagai seorang pendidik sehingga saya berakhir pada tahun *dua puluh sepuluh* [2010]. Itupun berakhir pada tahun *dua puluh sepuluh* [2010] itu disebabkan pindaan akta belia yang menyatakan bahawa penglibatan ahli *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] terhad kepada mereka

yang berumur *empat puluh tahun* [40] tahun ke bawah. Jadi disitulah berhentinya penglibatan saya secara aktif dengan *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung]. (bunyi motosikal)

NS : Jadi siapa yang mendorong cikgu untuk menyertai *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung]?

TS : Itulah yang saya sebut idola saya tadi, sifu saya tadi Tan Sri Doktor Nordin Kardi yang banyak memberikan suntikan semangat kepada saya untuk saya berjuang dalam *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] untuk peningkatan kecemerlangan pelajar-pelajar Melayu ketika itu.

NS : Apa yang mendorong cikgu untuk menyertai *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] itu? Adakah disebabkan minat?

TS : Saya fikir tidak bermula dengan minat. Ia bermula dengan kesedaran. Apabila kami diberikan input ketika kursus berkenaan, digambarkan masalah-masalah pelajar melayu, kemerosotan prestasi mereka, ketinggalan mereka daripada bangsa lain khususnya bangsa cina, telah menyuntik semangat kami untuk kami berada dalam satu *platform* [landasan] bagaimana kami nak sedarkan anak-anak Melayu ketika itu, bahawa jika mereka tidak cemerlang dalam pendidikan akhirnya mereka akan menjadi pengemis di tanah air sendiri dan saya pegang dahulu hingga sekarang apa yang disebut oleh Allahyarham Aminuddin Baki, jangan suatu hari nanti ‘ayam dikepuk mati kerana lapar, itik di air mati kerana

kehausan'. Pelik, kepuk itu sebenarnya tempat menyimpan padi air itu memanglah yang dikelilingi oleh itik *tapi* [tetapi] mengapa ayam boleh mati, itik boleh mati kehausan. Ini *nak* [hendak] digambarkan kepada kita jangan suatu hari anak bangsa Melayu kita dengan segala kemewahan yang ada di negara kita ini tetapi kita tidak mampu untuk menggapinya kita hanya menjadi penonton kepada kecemerlangan, kejayaan bangsa lain. Atas dasar inilah maka kami berfikir bahawa *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] lah *platform* [landasan] terbaik untuk kami sedarkan anak-anak Melayu ketika itu betapa pentingnya mereka cemerlang di dalam pendidikan.

NN : Siapakah pengasas *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung]?

TS : Pengasas *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] ialah Allahyarham Aminuddin Baki. Ia ditubuhkan pada *lima belas* [15] Ogos *sembilan belas empat puluh lapan* [1948] dan pelapis ataupun pelopor penubuhan GPMS itu sudah kembali ke rahmatullah kecuali seorang sahaja lagi iaitu Yang Amat Bahagia Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali, isteri kepada mantan perdana menteri kita. Itulah satu-satunya pengasas *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] yang masih hidup.

NN : Boleh cikgu ceritakan sedikit mengenai sejarah penubuhan GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung]?

TS : GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] ditubuhkan sebagaimana saya sebut tadi pada *lima belas* [15] Ogos *sembilan belas empat puluh lapan* [1948] hasil daripada satu konvensyen yang diatur oleh pelajar-pelajar Melayu ketika itu dan hasil konvensyen itu, perbincangan mereka mengenai masa depan orang Melayu, khusus pelajar Melayu sebab masa itu, apa nama ni ---, apabila kita melihat pelajar-pelajar Melayu di universiti khususnya Universiti Malaya, amat sedikit. Jadi kebimbangan timbul di kalangan pelajar-pelajar kita yang berada di universiti itu untuk bagaimana untuk memastikan suatu hari nanti pelajar-pelajar Melayu jumlahnya bertambah di universiti di institusi pengajian tinggi. Maka, hasil konvensyen itulah maka kita putuskan *nak* [hendak] tubuhkan GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] dan GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] inilah yang merangka gerak kerja dan sebagainya untuk bergerak seluruh Negara untuk menyatukan persatuan-persatuan Melayu yang ada ketika itu berada dibawah satu bumbung. Kalau kita lihat ketika itu, kita ada persatuan pelajar Melayu Terengganu, kita ada Persatuan Pelajar Melayu Johor, kita ada Persatuan Pelajar Melayu Kedah, kita ada tetapi mereka hidup kekadang masing-masing negeri menjaga masing-masing negeri sebab itu gabungan pelajar-pelajar melayu semenanjung, kita gabungkan, kita satukan semua persatuan-persatuan pelajar Melayu negeri ini dibawah satu bumbung GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] dan kita bergerak serentak

seluruh Negara untuk memberikan kesedaran kepada pelajar Melayu dan saya masih ingat ketika itu satu program khas yang dinamakan gerakan obor. Gerakan obor ini sebenarnya gerakan yang memberikan kesedaran kepada pelajar Melayu betapa pentingnya pendidikan sebagai asas untuk mereka kembali menjadi bangsa yang disegani oleh bangsa lain.

NN : Slogan atau tema GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung]?

TS : GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] kita menggunakan moto kita, belajar terus belajar. Berdasarkan konsep yang disebut dalam hadis Nabi Muhammad *salla Allah alaihi wa sallam* (bunyi motosikal) bahawa menuntut ilmu itu dari buaian sampai ke liang lahad. Maknanya pendidikan sepanjang hayat. (bunyi kereta) Jadi pendidikan sepanjang hayat inilah kita ringkaskan kepada belajar terus belajar sentiasa belajar.

NS : Melalui kajian yang kami lakukan, GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] telahpun melalui prinsip empat sedar, jadi boleh cikgu terangkan secara terperinci apa itu prinsip empat sedar?

TS : Prinsip empat sedar ini yang kita *zohirkan* [zahirkan] semasa konvensyen penubuhan GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] dan setiap program pergerakan GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] tidak lari daripada empat sedar ini. Antaranya sedar atas perlunya disatukan tenaga pelajar-pelajar Melayu semenanjung Tanah Melayu dan sebagaimana saya

sebut tadi kita sebenarnya mempunyai persatuan-persatuan pelajar Melayu *tapi* [tetapi] merata-rata. Jadi atas prinsip sedar atas perlunya disatukan tenaga pelajar-pelajar Melayu ini maka kita satukan semua persatuan-persatuam Melayu ini di bawah satu bumbung yang dinamakan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung. Itu maksud gabungan, kita gabungkan semua persatuan pelajar-pelajar Melayu dan antara prinsip yang lain (bunyi kereta) jugak sedar atas perlunya sedar atas --- sedar bahawa kait maju mundur, kaya miskin dan hina mulia sesuatu bangsa itu ditangan kami. Kami maknanya pemimpin-pemimpin pelajar ketika itu. Ini kita dapat kaitkan dengan apa yang disebut oleh Allah salla Allah alaihi wa sallam bahawa tidak akan aku ubah sesuatu bangsa itu melainkan bangsa itu yang mengubahnya sendiri. Maknanya nak bagitahu bahawa kaya miskin, hina mulia sesuatu bangsa itu terletak ditangan bangsa itu sendiri. Ini kita *nak* [hendak] bagikan satu semangat kepada pelajar-pelajar Melayu bahawa mereka perlu berubah mereka perlu mengubah diri mereka untuk membela masa depan bangsa dan agama yang lebih cemerlang. Itu diantara prinsip empat sedar yang dipegang oleh kepimpinan *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] sejak dulu sehingga hari ini.

NN : Jadi apakah jawatan dan tugas cikgu dalam GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung]?

TS : Saya dalam GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] sebahagian *besar* [besar] masa saya selama *dua puluh lima* [25] tahun bersama GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] jawatan saya setiausaha agung maknanya saya menguruskan bidang pengurusan pentadbiran merancang, melaksanakan program untuk pelajar-pelajar Melayu cuma di saat akhir saya sebelum tamat disebabkan faktor umur pada tahun *dua ribu sepuluh* [2010], saya memegang jawatan timbalan presiden GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung]. Itu jawatan yang kedua tertinggi diperingkat kebangsaan manakala di peringkat negeri daripada awal hingga akhir, saya memegang jawatan setiausaha GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] Negeri Terengganu.

NS : Boleh cikgu ceritakan sedikit apakah sumbangan GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] kepada pelajar di Malaysia?

TS : Kalau kita *nak* [hendak] bercakap soal sumbangan, selama umur GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] *dah* [sudah] *enam puluh lima* [65] tahun memang banyak sumbangan GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung]. Pertama dari segi kecemerlangan pendidikan, dasar-dasar pendidikan Negara yang digubal banyak disumbangkan idea oleh GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung]. Penubuhan institusi-institusi seperti *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia] *jugak* [juga] sebahagiannya

melibatkan sumbangan *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] dan yang paling ketara *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] melahirkan ramai pemimpin-pemimpin Negara dan pemimpin yang tertinggi yang dilahirkan oleh *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] ialah Yang Amat Berbahagia Tun Doktor Abdullah Haji Ahmad Badawi iaitu mantan perdana menteri kita yang pernah menjadi presiden *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung]. Begitu *jugak* [juga] dari kalangan pegawai tadbir, ahli-ahli akademik, sasterawan, usahawan ramai dilahirkan oleh *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] sepanjang masa sehingga hari ini.

NS : Jadi, apa aktiviti yang dilakukan oleh *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] setakat ini?

TS : Aktiviti kita banyak sebenarnya, *tapi* [tetapi] kita berteraskan sebagaimana saya sebut tadi berteraskan kepada kecemerlangan pendidikan. Kita mengadakan gerakan obor yang saya sebutkan tadi, kita adakan kelas bimbingan, kita adakan ceramah-ceramah motivasi, kita adakan khursus dan kem kepimpinan, kem motivasi, seminar menjawab peperiksaan, seminar teknik *belajor* [belajar] berkesan, seminar kerjaya dan banyak lagi aktiviti-aktiviti berdasarkan kesesuaian setempat.

NN : Jadi apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] untuk memperhebatkan lagi gagasan ini? (bunyi kereta)

TS : Saya nampak sehingga zaman saya memang ada peningkatan dari segi pelaksanaan program GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] khususnya di mana sebagaimana saya sebut tadi berdasarkan kehendak semasa dan kehendak setempat. Kalau dulu kita adakan gerakan obor dan kelas-kelas bimbingan, hal ini *jugak* [juga] diteruskan tapi penambahbaikkan itu diadakan. Saya ambil contoh yang kita buat ceramah ataupun teknik menjawab *MUET* [Malaysian University English Test], ketika penubuhan GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] dulu tidak ada *MUET* [Malaysian University English Test] *tapi* [tetapi] sekarang kita melihat *MUET* [Malaysian University English Test], ini ialah syarat untuk masuk universiti dan lulus *MUET* [Malaysian University English Test] ialah syarat untuk bergraduasi. Oleh kerana kita *tahu* [mengetahui] bahawa pelajar-pelajar Melayu amat lemah dalam Bahasa Inggeris, maka kita ambil inisiatif untuk mengadakan seminar kepada pelajar-pelajar tingkatan enam khususnya agar mereka bukan sekadar mengambil *MUET* [Malaysian University English Test], tetapi mereka lulus *MUET* [Malaysian University English Test], supaya tidak berlaku suatu hari nanti lambakkan pelajar-pelajar kita *tak* [tidak] dapat ijazah disebabkan mereka gagal dalam *MUET* [Malaysian University English Test] dan ini benda baru yang kita buat. (bunyi kereta)

NS : Bagaimana GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] mengatur strategi untuk memantapkan lagi penubuhan ini sesuai dengan perubahan semasa?

TS : Kita harus ingat bahawa pesanan orang terdahulu *pada* [daripada] kita menyatakan bahawa didiklah anak-anak kita, belia hari ini sebagaimana untuk - zaman mereka. Maksudnya, kita kena menyediakan apa sahaja bentuk program yang sesuai dengan zaman mereka. Sebab itu saya sebutkan tadi, aktiviti-aktiviti yang dirancang yang dilaksanakan oleh GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] berdasarkan kesesuaian semasa. Kalau dulu saya ambil contoh, zaman saya kita ada mesin taip tamat SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] semua berkhurus menaip, tapi zaman hari ini bukan tidak ada mesin taip sebahagian *besar* [besar] *tak* [tidak] kenal *dah* [sudah] mesin taip kerana mereka diganti oleh komputer. Maka kita mengikut arus perubahan itu maka GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] *jugak* [juga] mengubah system ataupun cara pendekatan dengan mengadakan khurus-khusus celik IT [Informasi Teknologi] supaya mereka kita nak pelajar kita ini tidak menjadi buta IT [Informasi Teknologi]. Kalau dulu mereka buta huruf, kita *tak* [tidak] *nak* [mahu] mereka buta IT [Informasi Teknologi] maka program kita pun *jugak* [juga] berdasarkan keadaan semasa itu. Begitu *jugak* [juga] kalau nak mengisi borang university kalau *dulu* [dahulu] kita isi secara manual, hari ini kita isi *online* [atas talian] dan kita menggunakan tenaga-tenaga kaunselor ahli-ahli kita seluruh sekolah yang ada untuk mengumpulkan pelajar kita

memberikan panduan kepada mereka bagaimana mereka nak memilih khusus dan sebagainya supaya mereka dapat melanjutkan pengajian khususnya ke *IPTA* [Institut Pengajian Tinggi Awam].

NN : Jadi adakah *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] ini memberi impak yang besar kepada pelajar?

TS : Sudah pasti, dan anda boleh mengakuinya.

NN : Apakah kejayaan terbesar yang dicapai oleh *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung]?

TS : Kalau kita nak dalam bentuk kayu ukur, payah. Tapi sebagaimana saya sebutkan tadi *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] telah berjaya melahirkan tokoh-tokoh negarawan dan cendekiawan Melayu hasil daripada didikan dan kesedaran yang kita laksanakan ke seluruh Negara.

NS : Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] sepanjang penubuhan *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung]?

TS : Cabaran? Setiap perjuangan itu mesti ada cabaran dan saya tidak berminat untuk menggunakan perkataan cabaran, bila kita bercakap soal cabaran kita akan Nampak satu benda yang menghalang kita, sebab itulah sepanjang berada di *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] saya bercakap soal

peluang. Jadi maknanya apa yang berada di hadapan kita ialah peluang bagaimana kita *nak* [hendak] mengubah diri kita daripada baik kepada lebih baik, daripada sempurna kepada lebih sempurna. Sebab itu saya melihat tidak ada cabaran sebenarnya dalam *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung]. Kita melaksanakan segala program itu untuk menyedarkan kepada diri kita bahawa apa sahaja di hadapan kita ialah peluang dan kita *nak* [hendak] buktikan bahawa kita mampu dan boleh melaksanakannya sebagaimana bangsa lain juga.

NS : Apakah faktor yang menyebabkan GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] mampu mengharungi segala onak dan duri perjuangan untuk terus kekal *releven* [berkaitan] pada hari ini?

TS : Itu saya sebut tadi, sebab kita melihat ia peluang, sebab bila kita melihatkan peluang maka kita tidak akan rasa kecewa, rasa putus asa untuk melaksanakan program sebegitu. *Tapi* [tetapi] sebenarnya pada saya, selain daripada saya sebut peluang tadi apabila kita melihat sesuatu perkara yang kita laksanakan itu ada hasilnya. Kita melihat kejayaan pelajar-pelajar pada hari ini maka ia merupakan satu kepuasan, kepuasan kita melihat mereka berjaya menyebabkan kita rasa kita bertambah bersemangat untuk terus berjuang dalam badan seumpama ini.

NN : Jadi, apakah perjuangan GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] pada masa hadapan?

TS : Saya tidak boleh bercakap soal apa yang *nak* [hendak] dibuat oleh GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] pada masa hadapan sebab saya tidak berada dalam GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] pada hari ini lagi. *Tapi* [tetapi] kalau bercakap soal harapan, saya meletakkan harapan yang cukup tinggi kepada pemimpin-pemimpin GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] hari ini supaya yang pertama mereka bukan sekadar cemerlang untuk diri mereka sahaja tapi mereka mampu turun ke padang kembali ke masyarakat untuk pastikan anak-anak Melayu yang ada di sana akan muncul lebih baik daripada mereka. Kita berhadapan dengan pelbagai cabaran masa depan yang menuntut kekuatan fizikal dan mental kita, kita akan berhadapan dengan suasana politik yang jauh lebih berubah berbanding dulu hingga hari ini. Kita berhadapan dengan cabaran ekonomi, hari ini kita bercakap soal TPPA [Trans Pacific Partnership Agreement] [Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik], bagaimana dilaksanakan, apakah cabaran kepada kita pelajar Melayu, cabaran keagamaan dengan unsur-unsur syiah dan sebagainya. Cabaran, pelbagai cabaran yang ada hari ini dan masa akan datang yang menuntut kita mempertingkatkan perjuangan kita. Ini harapan saya pada pemimpin-pemimpin GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] pada hari ini, fikir dan laksanakanlah agar mereka tidak ketinggalan berbanding dengan bangsa lain.

NS : Boleh saya tahu apakah anugerah yang pernah cikgu perolehi semasa menyertai GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung]?

TS : Penglibatan saya apabila saya terlibat dengan GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung], pada masa yang sama saya terlibat dengan belia sebab GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] berada di bawah naungan Majlis Belia Malaysia. Di antara anugerah yang saya pernah terima ialah tokoh belia, pemimpin belia muda dan *jugak* [juga] program-program luar Negara, ke negara-negara Eropah, ke Perancis, Switzerland, Amerika. Kita pergi ke sana berjumpa dengan pelajar-pelajar Melayu kita, *jugak* [juga] sebelah Indonesia dan sebagainya. Jadi saya banyak terlibat dengan program-program *luor* [luar] Negara untuk berjumpa dengan pelajar-pelajar yang berada di sana cuma *tak* [tidak] sempatnya ke timur tengah *dah* [sudah] pencen.

NS : Melalui pengalaman cikgu, apakah perbezaan GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] dari dulu hingga kini adakah terdapat perbezaan?

TS : Sebenarnya, saya melihat perbezaan yang ada itu mungkin dari segi *stail* [cara] kepimpinan sahaja sebab apabila berubah pemimpin sudah pasti *stail* [cara] kepimpinan *jugak* [juga] berubah. Walaubagaimanapun dari segi teras perjuangannya saya nampak tidak berubah masih berada di atas landasan yang betul. Kita ambil contohlah kalau kepimpinan Negara daripada zaman Armarhum Tuanku Abdul Rahman sehingga zaman Yang Amat Berhormat Datuk Seri Mohd Najib pemimpin berubah, pendekatan berubah, kaedah

berbeza *tapi* [tetapi] landasan perjuangan untuk mempertingkatkan kecemerlangan tetap berada dilandasan yang sama.

NS : Kami difahamkan cikgu Setiausaha Agung GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung], kami ingin tahu lebih mendalam lagi apa kaitan gagasan dengan GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung]?

TS : *Okay* [baiklah] sebagaimana saya sebut tadi Gagasan Pendidikan Melayu Malaysia kita tubuh pada tahun *dua puluh sepuluh* [2010] iaitu setelah bermulanya akta belia yang mengehadkan penglibatan pelajar, penglibatan keahlian kepada mereka yang berumur *empat puluh* [40] tahun ke bawah masuk dalam GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung]. Jadi, kami yang berada di umur *empat puluh* [40] tahun ke atas ini, kami melihat bahawa pendidikan ialah perjuangan sepanjang hayat ia tidak boleh terhenti sekadar *empat puluh* [40] tahun. Lantaran itu, bekas kepimpinan gagasan GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] telah menubuhkan Gagasan Pendidikan Melayu Malaysia. Mengapa kami *tak* [tidak] namakan alumni GPMS sebab kalau kami namakan alumni GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] ia bermakna hanya ahli GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] sahaja yang boleh menjadi ahli kepada alumni ini dan pada saya dalam *konteks* [aspek] pendidikan sepanjang hayat ianya tidak adil kepada mereka yang bukan ahli GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] tetapi ingin menyumbang kepada pendidikan melalui badan ini sebab itulah kita

namakannya kepada Gagasan Pendidikan Melayu Malaysia. Hala tuju perjuangan sebahagian besarnya ialah kesinambungan kepada perjuangan *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] cuma ada sedikit perbezaan fokus kita di peringkat gagasan ini ialah dalam perlembagaan kita menyatakan bahawa tiga teras utama perjuangan gagasan ialah kecemerlangan akademik, kecemerlangan sahsiah dan kecemerlangan kepimpinan dan kita yakin dan percaya bahawa bangsa yang cemerlang ialah bangsa yang mempunyai tiga elemen ini. Dia ada kecemerlangan akademik, sahsiahnya baik dan dia mampu memimpin kerana kita tahu bahawa kita diiktiraf sebagai khalifah dimuka bumi sebab itulah kita menekankan kepada kecemerlangan kepimpinan, supaya kita mampu menjadi pemimpin bukan sekadar pengikut yang kedua fokus kita diperingkat gagasan ialah kita fokus kepada pelajar-pelajar Melayu kita selain daripada *IPTA* [Institut Pengajian Tinggi Awam] khususnya kepada pelajar-pelajar berada di institusi kemahiran, Giatmara, *IKM* [Institut Kemahiran Malaysia], *ILP* [Institusi Latihan Perindustrian], *IKBM* [Institut Kemahiran Belia Malaysia], Kolej Komuniti kerana kita melihat kumpulan ini *jugak* [juga] merupakan kumpulan anak-anak Melayu yang harus diberikan tumpuan dan perhatian bukan sekadar pelajar-pelajar di *IPTA* [Institut Pengajian Tinggi Awam] *okay* [baiklah].

NN : Sebagai mantan setiausaha Agung GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] apakah cadangan cikgu kearah penyelarasan GPMS?

TS : Dari segi penyelarasan? Sebenarnya memang berlaku penyelarasan sebab kita *dah* [sudah] membuat keputusan semua program yang dilaksanakan oleh *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] diteruskan sebagaimana biasa dan kita meneruskan program-program kecemerlangan ini sebagaimana biasa cuma target kita ialah berbeza. Sebagaiman saya sebut tadi, *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] kebiasaannya tumpuannya ke sekolah dan ke *IPTA* [Institut Pengajian Tinggi Awam] manakala gagasan tumpuannya kepada institusi Kemahiran, jadi tidak berlaku pertembungan. Walaubagaimanapun disesetengah negeri kita melaksanakan program secara bersama di antara gagasan dan *jugak* [juga] *GPMS*. (bunyi motosikal).

NS : Apakah harapan cikgu mengenai GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] ini? harapan cikgu?

TS : Harapan saya *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] akan terus cemerlang, akan terus dapat mempertingkatkan program, akan terus menyumbang kepada anak bangsanya sehingga akhir zaman. Kita tidak mahu *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] terhenti dipertengahan jalan, kita tidak mahu *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] tergelincir daripada asas perjuangan, kita tidak mahu *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] dipergunakan untuk kepentingan individu (bunyi penggera

kereta) dan kita *nak* [hendak] GPMS terus menghayati pesanan Allahyarham Aminuddin Baki ketika penubuhan *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] pada *lima belas* [15] Ogos *sembilan belas empat puluh lapan* [1948] lalu.(bunyi motosikal)

NN : Daripada apa yang saya lihat, cikgu aktif dalam *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung], selain itu saya ada membuat sedikit enyelidikan tentang penglibatan cikgu dalam bidang politik, jadi mungkin cikgu tidak keberatan bolehlah cikgu kongsi kepada kami mengenai penglibatan cikgu dalam bidang politik?

TS : Kalau dikatakan saya terlibat dalam bidang politik, tidak berapa tepatlah sebab saya sebenarnya banyak berkawan dengan orang politik. Walaubagaimanapun, saya secara *tak* [tidak] langsung memanglah terlibat diperingkat akar umbi khususnya bukan khususnyaalah peringkat akar umbi dalam parti politik Umno sebab saya melihat perjuangan Umno ini selaras dengan perjuangan *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] yang meletakkan kepentingan agama dan bangsa ditempat yang sepatutnya. Jadi, kita melihat *jugak* [juga] perjuangan Umno ini kesinambungan kepada perjuangan *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung]. Sebagaimana saya sebut tadi ramai pemimpin politik hari ini *jugak* [juga] dilahirkan dalam kilang *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] dan mereka masuk dari kilang Umno sebab itulah saya melihat bahawa untuk kita menjadi bangsa yang cemerlang, kita seharusnya

berada dalam kancah politik selaras dengan yang saya sebut di gagasan tadi yang ketiga kecemerlangan kepimpinan. Disini lah kita melantik anak-anak muda bagaimana untuk membela diri mereka menguasai politik dan dengan kuasa politik sahajalah bangsa kita akan cemerlang

NN : *Okay* [baiklah]. Menurut cikgu, wajarkah mahasiswa berpolitik?

TS : Wajar, sewajarnya mahasiswa berpolitik sebab itulah kita buat pindaan akta universiti dan kolej. Memberikan ruang sebeb-bebasnya kepada mahasiswa untuk terlibat politik dengan syarat mereka tidak membawa politik itu dalam kampus. Sebab hari ini kalau mahasiswa *nak* [hendak] bertanding pilihanraya telah dibenarkan tidak ada masalah. Jadi, memang sewajarnya begitu kerana kita *nak* [hendak] sebagaimana saya sebut tadi kesinambungan kepimpinan itu mesti ada. Kalau mahasiswa tidak diberikan pendedahan tentang ilmu politik mana mungkin mereka keluar universiti *nak* [hendak] memimpin agama dan bangsa mereka.

NS : **Jadi, apa pendapat cikgu untuk menarik golongan belia untuk turut aktif dalam politik?**

Kita kena menggunakan satu pendekatan yang berbeza untuk menarik anak-anak muda khususnya pelajar-pelajar universiti dalam politik sebab pada saya, pelajar-pelajar kita sebahagian besarnya tidak berminat bercakap soal politik, tidak berminat dari kajian kita pun begitu. Sebab itulah kita menggunakan

platform [landasan] *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] ataupun gagasan, kita menarik mereka kepada kita melalui program kita menyedarkan perjuangan mereka bukan sekadar cemerlang di akademik *tapi* [tetapi] mereka *nak* [hendak] pastikan masyarakat mereka terjamin dan dengan cara ini, InsyaAllah mereka akhirnya akan terlibat dengan politik yang sihat untuk masa depan bangsa mereka.

NS : Apa pendapat cikgu tentang politik pada masa kini di Negara kita?

TS : Saya boleh simpulkan secara umumnya, politik hari ini ialah politik yang menghancurkan masa depan Melayu. Kalau kita lihat perpecahan Melayu berdasarkan politik cukup banyak kita ada Melayu Umno, kita ada Melayu Pas, kita ada Melayu Keadilan, kita ada Melayu *DAP* [Democratic Action Party] [Parti Tindakan Demokratik]. Jadi mana Melayu *dah* [sudah] pecah kepada empat jadi inilah kebimbangan kita sebenarnya sebab itulah kita terutamanya Umno kena mengepalai untuk mencari titik pertemuan bangsa Melayu supaya mereka bersatu sebagaimana orang cina kita lihat mereka ada cina *DAP* [Democratic Action Party] [Parti Tindakan Demokratik], mereka ada cina *MCA* [Malaysian Chinese Association] [Persatuan Cina Malaysia], mereka ada cina Gerakan dan mereka ada parti-parti cina di Sabah dan Sarawak tetapi atas nama bangsa mereka bersatu. Jadi, inilah cabaran masa depan yang cukup kuat kepada anak muda kita untuk pastikan bumi yang kita pijak, langit yang kita junjung tetap milik bangsa kita.

NS : Sekiranya kami boleh tahu apa pandangan cikgu mengapakah tercetusnya rusuhan pada setiap kali pilihanraya diadakan?

TS : Rusuhan itu sebenarnya berlaku hasil daripada provokasi, provokasi pada pihak pembangkang yang cuba mengambil kepimpinan Negara melalui jalan yang tidak baik. Sebab itulah kita tidak bersetuju kerana pada kita perubahan peralihan kuasa ditentukan *lima* [5] tahun sekali dalam proses demokrasi itu pilihanraya umum. Kita tidak mahu berlaku sebagaimana berlaku di Mesir, di Syria dan negara lain yang bercakap soal demokrasi soal keadilan akhirnya kerajaan yang ada diletak daripada pemerintahan dengan cara yang tidak demokrasi, namun walaupun berubah pemimpin keadaan di Negara mereka tidak stabil sehingga hari ini.

NS : Kami ada baca blog cikgu, melalui blog cikgu *tu* [itu] ada mengatakan kenyataan Tianchua yang membiarkan portal mereka iaitu Keadilandaily yang berterusan menyebarkan berita mengaitkan insiden pencerobohan yang berlaku di Lahad Datu sebagai satu sandiwara Umno. Jadi apa komen cikgu mengenai kenyataan tersebut?

TS : Yalah, sebagaimana komen yang saya *beri* [memberi] samaada dalam blog ataupun kenyataan akhbar inilah sebenarnya provokasi yang digunakan oleh pihak pembangkang khususnya mereka yang bukan beragama Islam. Mereka cuba menutup kelemahan mereka, penglibatan mereka khususnya dalam tragedi di Lahad Datu, kita tahu penglibatan pencerobohan di Lahad Datu itu

melibatkan pemimpin-pemimpin pembangkang. Jadi untuk menutupkan masalah itu, mereka menggambarkan bahawa kerajaan sebenarnya telah membuat kesilapan, tidak mengadakan perbincangan dan menggunakan kekerasan untuk menghalau penceroboh ini sedangkan kalau kita *tahu* [mengetahui] bahawa pelbagai siri perbincangan telahpun dilaksanakan tetapi gagal sebab itu, tindakan akhir sebenarnya diambil oleh kerajaan dengan mengusir mereka dengan cara yang telah dilakukan itu.

NN : Jadi, apakah pandangan cikgu terhadap orang yang cuba mempolitikkan insiden pencerobohan di Lahad Datu?

TS : Saya mudah sahaja, ini ialah kumpulan yang fakir dari segi politik mereka. Mereka cuba merosak menutup kelemahan mereka dengan merosakkan pemikiran khususnya anak muda untuk menentang kerajaan, seolah-olah apa yang dibuat oleh kerajaan tidak betul. Kita ambil contoh yang terbaru, apabila polis mengadakan operasi ops cantas, dilihat bahawa polis kejam kepada penganas apabila diuruskan undang-undang baru *PCA* [Permanent Court of Arbitration] [Mahkamah Tetap Timbang Tara] dikatakan bahawa undang-undang itu untuk mengenakan pemimpin-pemimpin politik, apabila mereka selama dua tahun ditangkap tanpa bicara sedangkan apa yang kita buat ialah untuk menghapuskan penganas dan kongsi gelap yang berada dalam Negara kita. Ini proses memusing pandangan rakyat yang dibuat oleh pembangkang.

NS : Jadi, apakah saranan cikgu kepada para belia untuk menilai yang mana kaca dan yang mana permata dalam aspek pemilihan kerajaan?

TS : Inilah peranan yang sepatutnya dilakukan oleh *NGO* [Non-Governmental Organisation] [Pertubuhan Bukan Kerajaan], *NGO* [Non-Governmental Organisation] [Pertubuhan Bukan Kerajaan] seumpama *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung], gagasan dan *NGO-NGO* [Non-Governmental Organisations] [Pertubuhan Bukan Kerajaan] lain untuk memberikan kesedaran kepada anak-anak muda kita agar mereka tidak mudah terpengaruh dengan janji-janji manis yang dibuat oleh pembangkang. Kalau kita lihat pilihanraya baru *ni* [ini] sebahagian tempat kerajaan kalah disebabkan anak muda terutama sekali anak muda yang berada di universiti yang digula-gulakan apabila mereka dapat memerintah, akan dihapuskan *PTPTN* [Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional], memanglah kita sebagai pelajar orang *nak* [hendak] tolong hapuskan hutang kita, kita cukup setuju dan menyokong tanpa kita menggunakan intelektual kita untuk berfikir apakah hutang itu boleh dihapuskan begitu sahaja sedangkan kita bercakap soal agama, setiap anak apa nama *ni* --- anak adam itu apabila berhutang hendaklah melunaskannya. Ini bertentangan dengan agama sebenarnya, kalau kita bercakap soal untuk tidak meneruskan pinjaman *PTPTN* [Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional] itu mungkin diterima oleh akal *tapi* [tetapi] untuk menghapuskan, jadi kita anak muda yang emosinya yang cukup apa nama *ni* ---emosinya cukup mudah terpengaruh dengan benda-benda seumpama ini maka akhirnya kita

member sokongan kepada pembangkang yang bukan Melayu yang menang, bukan Pas yang Berjaya tapi cina di bawah *DAP* [Democratic Action Party] [Parti Tindakan Demokratik] yang dapat keuntungannya.

TAMAT BAHAGIAN B

BAHAGIAN C: AKTIVITI SOSIAL

NN : Adakah cikgu menerbitkan buku sendiri?

TS : Tidak. Saya menulis dan kawan-kawanlah yang membantu sayalah. Sebagaimana yang saya buat salah satu koleksi ucapan sepanjang saya berada di *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung], artikal penulisan saya dan buku pejuang pelajar itu ialah apa nama ni --- koleksi kenyataan-kenyataan akhbar saya yang disusun oleh wartawan dicetak untuk sebagai panduan kepada anak-anak muda itu sahajalah.

NS : Melalui penyelidikan kami, setahu kami cikgu ada menerbitkan buku sendiri. Apa buku itu?

TS : Sebenarnya buku itu bukan saya yang terbitkan, ia diterbitkan oleh pihak wartawan buku itu bertajuk Syed Anuar Pejuang Pelajar merupakan koleksi kenyataan-kenyataan akhbar saya khususnya ketika saya berada dalam *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] (bunyi kertas diselak) dan buku ini telahpun dicetak pada tahun *dua ribu lapan* [2008] cumanya kita baru diedar pada *dua ribu sebelas* [2011] baru kita edar kepada pelajar-pelajar. Kalau kita melihat secara umum buku ini, ia mempunyai apa nama ni --- bab-bab yang tertentu bab-bab yang apa nama ni --- terutama sekali ketika pemerintahan Pas di negeri Terengganu sebab di situ kita lihat ketika pemerintahan Pas pada tahun *sembilan belas sembilan puluh sembilan* [1999] banyak perkara-perkara yang dibuat yang tidak menguntungkan pendidikan anak-anak Melayu. Begitu

jugak [juga] dalam buku ini dimasukkan kemelut *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung], *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] *jugak* [juga] melalui zaman hitamnya apabila berlaku perebutan kuasa yang akhir tapi akhirnya mereka dapat menyelesaikan masalah mereka (bunyi kertas diselak). Jadi maknaya pada saya buku ini setidak-tidaknya boleh menjadi satu gambaran awal kepada anak Melayu bagaimana mereka *nak* [hendak] menggarap diri mereka sebagai seorang pemimpin masa depan.

NN : Dimanakah buku ini dilancarkan?

TS : Buku ini dilancarkan pada tahun lepas di Hotel Grand Continental *no* [tidak] di Tanjung Vista Kuala Terengganu yang dilancarkan oleh Yang Berhormat Dato Haji Mohd Nasir Tan Sri Ibrahim Fikri ahli parlimen Kuala Nerus seketika itu (bunyi kertas diselak).

NS : Bagaimana sambutan terhadap buku itu?

TS : Sebenarnya buku ini mendapat sambutan dari pelajar-pelajar, cetakan kita *dua ribu* [2000] telah habis cuma kita ada simpan stok sikit *jer* [sahaja] orang kata untuk simpanan sahaja *tapi* [tetapi] kita *dah* [sudah] edar kepada terutama sekali kalau di Terengganu *ni* [ini] kepada semua penyelarasan tingkatan enam sekolah-sekolah dan buku ini saya difahamkan diletakkan di bilik kaunseling untuk menjadi rujukan kepada pelajar-pelajar kita.

NN : Berapa buah buku dan jurnalkah yang diterbitkan?

TS : Buku saya sebuah ini sahaja *tapi* [tetapi] yang lain itu bukannya jurnal *tapi* [tetapi] dalam bentuk koleksi ucapan dan *jugak* [juga] kertas-kertas kerja yang saya tulis yang dikeluarkan oleh media. Jadi saya simpan untuk rujukan di masa depan.

NN : Apakah kandungan buku yang diterbitkan, bolehkah cikgu ceritakan serba sedikit tentang kandungan buku tersebut?

TS : Sebagaimana yang saya sebut tadi, buku ini merupakan koleksi penulisan saya yang dikeluarkan oleh media dan *jugak* [juga] pandangan-pandangan saya mengenai isi-isu semasa. Jadi, antaranya apabila pm ketika itu bercakap soal wawasan *dua puluh dua puluh* [2020] kita memberi pandangan kita mengenai apa itu yang perlu kita buat, begitu *jugak* [juga] bajet kerajaan yang diumumkan setiap Oktober dan September setiap tahun, kita *jugak* [juga] memberikan pandangan kita atas kapasiti GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] dan disiarkan oleh akhbar. Jadi koleksi inilah kita bukukan supaya ini satu kenangan dan *jugak* [juga] apa nama ni --- rujukan di masa depan.

NS : Setahu kami, cikgu juga aktif dalam aktiviti-aktiviti sosial, jadi boleh cikgu ceritakan sedikit apakah aktiviti sosial yang dilakukan oleh cikgu?

TS : Aktiviti sosial saya sebenarnya apa nama --- aktiviti sosial saya masih di bawah lingkungan pergerakan *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] dan gagasan, itu aktiviti sosial saya maknanya apa sahaja program yang *relevan* [berkaitan] dengan *GPMS* [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung] mahupun Gagasan pada hari ini kita laksanakan. Kalau aktiviti sosial di bawah politik begitu *jugak* [juga] kita berjumpa dengan masyarakat setempat, orang kampung, orang tua dan kita bercakap isu yang sama *jugak* [juga] isu pendidikan, walaupun mungkin orang tua ini tidak ada pendidikannya tidak ada tetapi kita *nak* [hendak] *jugak* [juga] sedikit kesedaran ini untuk menyedarkan anak-anak mereka bahawa mereka telah ketinggalan dari segi akademik namun mereka tidak mahu anak-anak mereka mengikut jejak mereka yang *jugak* [juga] tidak tahu [mengetahui] apa-apa dari segi akademik. Jadi ini pendekatan yang kita gunakan apabila berjumpa dengan masyarakat.

NN : Jadi adakah cikgu terlibat dengan PIBG di sekolah-sekolah?

TS : Ya. Saya terlibat dengan *PIBG* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] sekarang pun saya pengerusi *PIBG* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] Sekolah Kebangsaan Bukit Losong, saya *jugak* [juga] jawatankuasa *PIBG* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ahmad, saya *jugak* [juga] timbalan pengerusi *PIBG* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] Kolej Vokasional

Kuala Terengganu. Jadi, makna hubungan akrab saya dengan pelajar masih sebagaimana biasa.

NN : Adakah cikgu memegang apa-apa jawatan di kampung?

TS : Di peringkat kampung saya hanya memegang jawatan politik. Saya merupakan ketua cawangan Umno Kampung Masjid Tok Ku.

NS : Cikgu sangat prihatin kepada rakan seperjuangan, dimana cikgu selalu melawat mereka, boleh cikgu ceritakan bagaimana cikgu menguruskan masa dengan lawatan tersebut?

TS : Yalah. Itu *jugak* [juga] kalau kita bercakap soal social lah sebab kita harus sedar dan ingat bahawa apa yang kita ada hari ini belum pasti esok kita menikmati benda yang sama termasuk *jugak* [juga] dari segi kesihatan dan sebagainya. Sebab itulah dalam keadaan kita sihat segala-galanya ini kita kena *jugak* [juga] memperuntukkan sedikit masa kita untuk kita berkunjung, ziarah dan bertanya khabar sahabat-sahabat kita yang mungkin kurang sedikit nasib baiknya daripada kita. Ini memang, kalau dari segi masa, saya *tak* [tidak] boleh meletakkan satu masa yang jelas, tapi ruang yang ada itu kita akan gunakan untuk aktiviti ini.

- NN : Jadi adakah cikgu selalu turun padang untuk bergaul dengan penduduk?**
- TS :** Memang, memang *bila* [apabila] ada ruang waktu saya akan bersama mereka. Walaubagaimanapun kita bergerak dibawah satu organisasi walaupun saya tidak turun padang, *tapi* [tetapi] jawatankuasa yang lain akan melaksanakan tanggungjawab ini.
- NS : Apakah aktiviti-aktiviti lain yang dilakukan oleh cikgu untuk merapatkan silaturahmi dengan penduduk?**
- TS :** Biasanya kita buat aktiviti kalau kita ambil contoh musim sekarang kita *nak* [hendak] berhadapan dengan hari raya aidiladha maka kita akan menganjurkan korban perdana. Kalau waktu apa nama ni --- bulan puasa kita adakan pembahagian bubur lambuk, itulah yang kita buat (bunyi alat rekod beralih arah).
- NS : Melalui kenyataan akhbar, banyak isu-isu negatif yang melibatkan siswa dan generasi muda seperti menghina lagu negaraku, tidak menghormati pemimpin dan sebagainya, boleh cikgu komen mengenai isu-isu tersebut?**
- TS :** Ya. Masalah mahasiswa kita hari ini (bunyi kerusi beralih tempat) dia *nak* [hendak] menjadi manusia yang hebat, kalau kita belajar dari segi psikologi tahap umur mahasiswa ini ialah kita panggil dia krisis identiti, dia *nak* [hendak] mencari identity diri, *bila* [apabila] *nak* [hendak] mencari identity diri pasti dia akan mencari orang-orang yang dilihat hebat untuk dicontohi dan saya pasti

kehebatan pada mahasiswa hari ini melihat dari segi pihak pembangkang, mereka melihat pembangkang itu sebagai seorang yang patut dicontohi apatahlagi kebijaksanaan Anuar Ibrahim menggunakan pendekatannya yang boleh mempengaruhi anak muda. Disitu sebenarnya bermula permasalahan anak muda hari ini soal menghina bendera, soal memijak gambar pemimpin, berdemonstrasi, berkhemah di dataran merdeka ini antara unsur-unsur yang dilakukan oleh mahasiswa yang pada saya cukup memalukan kita sebab sepatutnya mahasiswa yang dikaitkan dengan ketinggian daya intelektual sepatutnya dapat menilai mana yang baik mana yang buruk. Kalau ia dilakukan oleh anak-anak kampung yang *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] nya tidak lulus, *PMR* [Peperiksaan Menengah Rendah] nya tidak ada, saya fikir tidak timbul masalah dan yang *jugak* [juga] yang memalu dan yang cukup kita kesali ialah *sembilan puluh sembilan peratus* [99%] ialah anak-anak Melayu, mahasiswa-mahasiswa Melayu. Inilah yang menjadi kebimbangan kami dan *jugak* [juga] pihak kerajaan pada hari ini. Kita *tak* [tidak] ada cara *dah* [sudah] selain daripada kita sentiasa memberikan ingatan, kesedaran kepada mereka bahawa asas mereka ke universiti ialah untuk menjadi manusia yang cemerlang kepada agama dan bangsa dan *jugak* [juga] dapat membalas pengorbanan ibu bapa mereka. Kita lihat hari ini (bunyi motosikal) mahasiswa kerajaan merupakan mahasiswa yang gagal sebenarnya dalam pengajian mereka. Mereka bukan daripada mahasiswa yang mempunyai pointer *tiga perpuluhan lima* [3.5] dan sebagainya kebanyakan mereka yang sipi-sipi yang hampir-hampir gagal, tidak

sebagaimana mahasiswa-mahasiswa cina yang tidak melibatkan diripun dengan apa yang mereka lakukan. Sebagai contoh yang terbaik, Adam Adli mahasiswa *UPSI* [Universiti Pendidikan Sultan Idris] yang telah disingkirkan dari universiti merupakan bukan pelajar cemerlang, kita sayang dengan beliau yang mudah terpengaruh dengan perkara-perkara seumpama ini dan saya dapat rumuskan bahawa sebagai generasi penentu masa depan Negara mahasiswa sepatutnya lebih faham dan lebih dapat menilai sesuatu perkara tanpa menggunakan perkiraan emosi mengatasi rasional agar tindakan mahasiswa yang dibuat itu merupakan satu tindakan yang tidak baik. Jadikan apa yang berlaku pada segelintir mahasiswa hari ini sebagai satu panduan untuk bukan satu perkara yang harus kita contohi dan kelemahan kita hari ini *jugak* [juga] saya perhatikan mahasiswa ini ada tiga kumpulan. Satu kumpulan menyokong kerajaan, *takdok* [tidak ada] masalah berjalan dengan baik, satu kumpulan menentang kerajaan membabi buta demonstrasi dan sebagainya tanpa kita sedar kita ada satu mahasiswa yang sepenuhnya mendatangkan masalah pada masa depan Negara mahasiswa yang *tak* [tidak] *tahu* [mengetahui] apa benda *ni* [ini]. Mahasiswa yang kononnya akan datang *tak* [tidak] *nak* [mahu] campur politik, mahasiswa yang menghabiskan masa dengan kegiatan luar [luar] universiti yang tidak berfaedah, mahasiswa yang tidak bermasa depan (bunyi kenderaan) yang tidak ada hala tuju. Ini peratus yang cukup besar ini yang pada saya cukup membimbangkan sebab berdasarkan *sejaroh* [sejarah] mahasiswa yang menentang kerajaan ini biasanya keluar daripada universiti ini *takdok* [tiada]

masalah, mereka kembali menyokong kerajaan. Bagaimana mahasiswa yang tidak meletakkan masa depan sebagai satu perjuangan mereka, ini cabaran hari ini yang harus dilihat oleh semua pihak.

NS : Apa pendapat cikgu mengenai pihak yang selalu mengambil kesempatan terhadap generasi muda hanya demi kepentingan politik itu sendiri?

TS : Itu perkara biasa macam kita *jugak* [juga] kita akan sentiasa mengambil kesempatan, kalau pensyarah kita yang baik kita ambil kesempatan untuk kita dapat markah yang tinggi, untuk *tak* [tidak] pergi kelas *tapi* [tetapi] di tanda datang kelas sebab kita suka mengambil kesempatan, kita suka mengambil peluang dihadapan kita ini normal manusia. Begitu *jugak* [juga] pembangkang dia akan ambil apa sahaja peluang dan kesempatan yang ada untuk meracuni pemikiran mahasiswa supaya mengikut mereka. Masalah sekarang, sejauh mana kekuatan mahasiswa, sebab itu saya sebut tadi sejauh mana mahasiswa menggunakan daya keintelektualan dia itu untuk menjadi sebagai satu orang kata tanda aras bahawa mereka merupakan mahasiswa yang akal budinya dapat membina masa depan soal ambil peluang itu memang kerja dia yang kita *nak* [hendak] fikir sekarang bagaimana mahasiswa-mahasiswa *nak* [hendak] mempertahankan daya intelektual jati diri mereka untuk masa depan, ini harus kita fikir (bunyi kereta).

NS : Pada pandangan cikgu apa budaya yang patut dipraktikkan oleh rakyat Negara kita supaya kejadian rusuhan dan sebagainya dapat dielakkan?

TS : Mudah sahaja, kita baca al-quran disebut bahawa bersyukurlah kamu nescaya akan ditambah nikmat. Apa yang berlaku hari ini ialah masyarakat kita tidak bersyukur, tidak bersyukur kepada Allah dan tidak berterima kasih kepada tangan yang memberikan nikmat kepada mereka, mereka *tak* [tidak] bersyukur sebenarnya. Kumpulan yang menentang kerajaan dan kumpulan yang tidak bersyukur mereka tidak sedar bahawa hanya Negara ini sahajalah nikmat kehidupan yang boleh dikecapi *tak* [tidak] bagaimana di Negara lain. Di Indonesia yang terdekat, kalau kita pergi ke klinik, kalau kita pergi hospital kita akan diberikan satu slip ubat pergi *beli* [membeli] sendiri, *tapi* [tetapi] di Malaysia kita bagi slip ubat pergi ambil di farmasi *kat* [dekat] bawah, itu contoh yang paling mudah. Di Malaysia kalau kita bercakap soal kesihatan, bermulanya kita berumur satu hari kandungan si ibu, telah mula dijaga oleh kerajaan dengan pelbagai suntikan yang bukan sedikit nilainya *tapi* [tetapi] secara percuma yang *tak* [tidak] mampu dinikmati oleh masyarakat di Negara lain. Begitu *jugak* [juga] kemudahan pendidikan, kalau kita pergi ke Vietnam, ke Thailand, ke Indonesia yang disebutkan universiti itu lebih teruk daripada sekolah di Malaysia. Itu perbezaan, *tapi* [tetapi] kenapa, kerana mahasiswa ini ditutupi oleh mereka yang ambil peluang untuk kepentingan politik mereka akhirnya mereka tidak bersyukur dan mereka menyalahkan kerajaan. Ini harus kita fikirkan bagaimana kita *nak* [hendak] selesaikan (bunyi alat rekod

digerakkan).

NS : Apa pendapat cikgu mengenai rusuhan dan ketidakseimbangan politik yang berlaku di mesir?

TS : Di awal tadi saya sebut, kita mempunyai sistem pemerintahan yang berteraskan kepada demokrasi. Demokrasi ini ialah menghormati kehendak majoriti, apa yang berlaku di Mesir ialah dicituskan oleh golongan manusia yang gelojoh politik, saya istilahkan gelojoh politik kerana mereka tidak sabar menunggu tempoh untuk menukar kepimpinan yang ada. Maka, apabila mereka tidak sabar untuk menukarkan kepimpinan yang ada sudah pasti mereka menggunakan cara yang bertentangan dengan peraturan yang ada. Mereka mengadakan demonstrasi dijalanan, mereka mengadakan perhimpunan-perhimpunan untuk mendesak kerajaan dan akhirnya mereka menggunakan tenaga tentera dan sebagainya untuk menyentap pemimpin yang dipilih oleh rakyat ke bawah. *Tapi* [tetapi] apakah selepas pemimpin Mesir ketika itu dijatuhkan, apakah Mesir kembali normal? Ataupun Mesir lebih baik daripada sebelum ini? Jawapannya tidak sampai hari ini. Itulah masalah, kenapa sebenarnya inilah bayangan yang dibuat oleh Amerika yang ingin memecahbelahkan perpaduan Islam di Mesir, di Syria dan mereka sebenarnya cuba *jugak* [juga] di Malaysia memecahbelahkan di antara kaum dan sebagainya. Jadi saya *nak* [hendak] simpulkan bahawa krisis di Mesir ini disebabkan ada golongan gelojoh politik yang tidak menghormati majoriti rakyat yang memilih pemimpin yang ada.

NS : Jadi apa harapan cikgu untuk generasi sekarang?

TS : Kalau saya *nak* [hendak] simpulkan harapan kepada generasi sekarang, sebagaimana saya sebut tadi, kalau anak muda hari ini, mahasiswa hari ini kalau dia mempunyai tiga pakej lengkap iaitu dia cemerlang akademik, dia cemerlang sahsiah, cemerlang kepimpinan sudah pasti dia mampu membawa Negara kita ke tahap yang lebih baik daripada yang ada pada hari ini. Kekuatan akademik pastinya ada diikat dengan kekuatan sahsiah dan *jugak* [juga] mereka mampu menjadi pemimpin yang dikatakan pemimpin yang tidak mengikut telunjuk di belakang tabir. Sudah pasti kita mampu membina Negara bangsa lebih cemerlang di masa depan.

NN : Jadi, apakah harapan atau kata-kata semangat cikgu kepada golongan belia dan mahasiswa yang ingin menceburkan diri dalam bidang perguruan dan GPMS [Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung]? (bunyi motosikal)

TS : *Bila* [apabila] bercakap soal pendidikan, *tak* [tidak] kisahlah dengan *NGO* [Non-Governmental Organisation] [Pertubuhan Bukan Kerajaan], pendidikan dengan institusi pendidikan yang harus kita lihat yang pertamanya yang *jugak* [juga] diberi ingatkan kepada kita bahawa pendidikan itulah sebenarnya pendidikan sepanjang hayat, kita *tak* [tidak] boleh berhenti di separuh jalan. Sebagai mahasiswa, perjalanan mereka bukan seharusnya bukan sekadar mendapat diploma, bukan sekadar mendapat ijazah *tapi* [tetapi] mereka kena

terus mendaki ke tahap yang lebih tinggi kerana ketinggian ilmu itu sahajalah yang boleh meletakkan bangsa dan agama di tempat yang paling tinggi. Maknanya, saya mengharapkan mahasiswa yang ada pada hari ini bukan sekadar menjadi mahasiswa yang berkualiti dari segi akademik, tetapi *jugak* [juga] mahasiswa yang dapat melepasi peringkat tertinggi untuk mereka kembali kepada masyarakat memberikan ilmu, menyebarkan ilmu mereka kepada anak bangsa yang masih menunggu mereka. Yang kedua saya mengharapkan mahasiswa yang dilihat mempunyai daya intelektual yang tinggi dapat menilai isu-isu semasa samaada isu pendidikan, politik, ekonomi dan sebagainya dalam konteks untuk melihat masa depan kita yang lebih terjamin.

NS : Cikgu mempunyai sifat kepimpinan yang kuat, jadi apakah sifat kepimpinan amat penting untuk membentuk seorang pemimpin yang berkarisma?

TS : Pada saya mudah *jer* [sahaja] bab kepimpinan ini, seorang pemimpin ialah mereka yang boleh menghormati pandangan orang lain, ini pemimpin. Samaada pandangan itu daripada mereka yang bawah daripada kita atau mereka yang lebih atas daripada kita, yang penting bagaimana pandangan itu diberikan. Kalau pandangan itu dilihat sesuatu yang boleh bermanfaat kepada masyarakat yang kita pimpin tidak salah kita menerima, hatta yang diberi itu oleh mereka yang lebih bawah daripada kita. Pemimpin pada saya bukan hanya pemimpin yang hanya duduk di kerusi yang mengarah dan sebagainya, bukan.

Pemimpin sebenarnya ialah mereka yang bersama pengikut yang melaksanakan apa sahaja, kalau waktu menyusun kerusi pemimpin hendaklah mendahului pengikut untuk menyusun kerusi itu bukan pemimpin yang mengarah pengikut susun kerusi. Maknanya sekarang, pada saya pemimpin ini ialah mereka yang boleh berada dalam apa sahaja situasi dan keadaan yang memungkinkan mereka dilihat sebagai seorang pemimpin yang mampu memberikan pengaruh kepada pengikutnya untuk pada satu matlamat yang mengangkat martabat bangsa dan agama di masa depan. (bunyi alat rekod digerakkan)

NS : Apa kata-kata terakhir cikgu ataupun pesanan-pesanan cikgu terhadap golongan muda dan juga belia? (bunyi kerusi digerakkan)

TS : Pesanan saya kepada mahasiswalah khususnya, dan golongan muda amnya gunakan kebijakkan akal budi kita yang dikurniakan oleh Allah dalam kita melaksanakan apa sahaja dihadapan kita (bunyi kereta) yang kedua yang tertinggi dalam kehidupan seorang manusia ialah akal yang membezakan manusia dengan makhluk yang lain ialah akal yang menentukan manusia ini cemerlang ataupun tidak ialah akal. Maka, jentiklah minda kita untuk kita melihat sejauh mana kita mampu menggunakan minda dan akal budi kita untuk kita membawa ahli masyarakat kita dan *jugak* [juga] diri kita sendiri dalam kita menakhoda perjalanan kita di masa depan (bunyi kereta). Wallahualam.

NN : Kiranya sepanjang wawancara ini, kami kira pelbagai pengalaman serta motivasi yang telah cikgu kongsi. Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada cikgu kerana sudi meluangkan masa serta pengalaman cikgu kepada kami. Semoga cikgu sudi bertemu lagi di wawancara seterusnya dan sekali lagi, terima kasih cikgu.

TS : *Okay* [baiklah], terima kasih.

TAMAT BAHAGIAN C

SENARAI SOALAN WAWANCARA

Tuan Syed Anuar bin Syed Mohamad
-Setiausaha Agung Gagasan Pendidikan Melayu Malaysia-

MAKLUMAT PERIBADI DAN LATAR BELAKANG KELUARGA

1. Apakah nama penuh cikgu?
2. Apakah nama gelaran cikgu?
3. Bilakah cikgu dilahirkan?
4. Dimanakah cikgu dilahirkan?
5. Dimanakah cikgu tinggal sekarang?
6. Siapakah yang tinggal bersama cikgu disini?
7. Apakah makanan kegemaran cikgu?
8. Apakah minuman kegemaran cikgu?
9. Apakah muzik kegemaran cikgu?
10. Apakah filem kegemaran cikgu?
11. Apakah buku kegemaran cikgu?
12. Apakah hobi cikgu pada masa lapang?
13. Apakah sukan kegemaran cikgu?
14. Apakah tempat melancong kegemaran cikgu?
15. Bilakah tarikh perkahwinan cikgu?
16. Apakah nama isteri cikgu?
17. Berapakah umur isteri cikgu?
18. Apakah pekerjaan isteri cikgu?
19. Berapakah bilangan anak cikgu?
20. Apakah nama anak-anak cikgu?
21. Adakah kesemua anak cikgu masih bersekolah?
22. Dimanakah asal keturunan cikgu?
23. Apakah nama penuh bapa cikgu?
24. Apakah nama penuh ibu cikgu?

25. Bolehkah cikgu ceritakan sedikit latar belakang ibu bapa cikgu?
26. Berapakah bilangan adik beradik cikgu?
27. Cikgu anak yang ke berapa?
28. Bolehkah cikgu ceritakan sedikit pengalaman zaman kanak-kanak cikgu?
29. Siapakah kawan baik cikgu sejak kecil?

PENDIDIKAN

30. Apakah latar belakang pendidikan cikgu?
31. Dimanakah cikgu mendapat pendidikan awal?
32. Dimanakah cikgu melanjutkan pelajaran selepas SPM?
33. Di universiti manakah cikgu melanjutkan pelajaran?
34. Apakah pencapaian cikgu semasa di Universiti?
35. Apakah kenangan manis semasa di universiti?
36. Pada tahun berapakah cikgu menghabiskan zaman persekolahan?

KERJAYA

37. Apakah pekerjaan tetap cikgu?
38. Tahun berapakah cikgu mula mengajar?
39. Berapa lama cikgu menjadi seorang tenaga pengajar?
40. Apakah sumbangan cikgu kepada sekolah?
41. Apakah jawatan tertinggi yang pernah dicapai selama bergelar sebagai seorang pendidik?
42. Bilakah cikgu bersara sebagai seorang guru?
43. Apakah kenangan yang tidak boleh di lupakan oleh cikgu ketika menjadi seorang pendidik?
44. Apakah pendapat peribadi cikgu mengenai guru pada masa dahulu dan sekarang melalui pengalaman cikgu selama penglibatan cikgu sebagai guru?
45. Bilakah cikgu menyertai GPMS?
46. Bagaimana cikgu boleh menyertai GPMS?

47. Adakah cikgu telah aktif dalam persatuan GPMS semenjak mengajar di sekolah lagi?
48. Siapa yang mendorong cikgu untuk menyertai GPMS?
49. Apakah yang mendorong cikgu untuk menyertai GPMS?
50. Pada usia berapakah cikgu mula menceburi yayasan tersebut?
51. Bolehkah cikgu ceritakan mengenai sejarah penubuhan GPMS?
52. Melalui kajian yang kami lakukan, GPMS telahpun melalu 4 peringkat masa iaitu dengan penubuhan beberapa kumpulan pelajar Melayu yang dengan sedar meningkatkan kualiti pelajaran dan Pendidikan orang Melayu, jadi boleh cikgu terangkan secara terperinci setiap 4 peringkat masa tersebut?
53. Apakah tujuan GPMS di tubuhkan?
54. Siapakah pengasas GPMS?
55. Apakah jawatan cikgu sekarang dalam GPMS?
56. Apa tugas cikgu dalam GPMS?
57. Berapakah orang ahli dalam GPMS?
58. Apakah sumbangan GPMS kepada pelajar di Malaysia?
59. Apakah aktiviti yang di lakukan oleh GPMS?
60. Siapakah tokoh-tokoh yang berjaya dilahirkan oleh GPMS?
61. Apakah yang di perjuangkan oleh GPMS?
62. Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh GPMS untuk memperhebatkan lagi gagasan tersebut?
63. Apakah pencapaian GPMS setakat ini?
64. Bagaimanakah GPMS mengatur strategi untuk memantapkan lagi penubuhan ini sesuai dengan perubahan semasa?
65. Apakah program-program atau agenda baharu yang diperkenalkan menerusi GPMS?
66. Apakah slogan atau tema bagi GPMS?
67. Apakah maksud lambang GPMS?
68. Berapakah usia GPMS sekarang?
69. Adakah GPMS memberi impak yang besar kepada pelajar?

70. Apakah kejayaan terbesar yang di capai oleh GPMS?
71. Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh GPMS sepanjang penubuhan?
72. Apakah factor yang menyebabkan GPMS mampu mengharungi segala onak dan duri perjuangan untuk retus kekal relevan pada hari ini?
73. Apakah perjuangan GPMS pada masa hadapan?
74. Apakah status yang dipegang oleh cikgu selepas memegang jawatan timbalan presiden GPMS?
75. Melalui pengalaman cikgu, apakah perkembangan GPMS dari dulu hingga kini?

POLITIK

76. Daripada apa yang saya lihat cikgu aktif dalam GPMS, selain itu saya ada membuat sedikit penyelidikan tentang penglibatan cikgu dalam bidang politik. Jadi mungkin jika cikgu tidak keberatan bolehkah cikgu berkongsi kepada kami mengenai penglibatan cikgu dalam bidang politik?
77. Apakah yang mendorong cikgu untuk melibatkan diri dalam politik?
78. Adakah cikgu aktif dalam bidang politik?
79. Pada tahun berapakah cikgu melibatkan diri dalam bidang politik?
80. Apakah jawatan cikgu dalam politik?
81. Apakah sumbangan cikgu dalam bidang politik?
82. Apakah aktiviti yang disertai semasa melibatkan diri dalam bidang politik?
83. Menurut cikgu, wajarkah mahasiswa berpolitik?
84. Apakah strategi cikgu untuk menarik golongan belia untuk turut aktif dalam politik?
85. Apakah pendapat cikgu tentang politik pada masa kini?
86. Pada pemerhatian cikgu, bagaimana keadaan politik di negara kita?
87. Pada pandangan cikgu, mengapakah tercetusnya rusuhan pada setiap kali pilihan raya diadakan?
88. Melalui kenyataan Tian Chua yang membiarkan portal mereka(keadilandaily) yang berterusan menyebarkan berita mengaitkan insiden pencerobohan yang

berlaku di Lahad Datu sebagai satu sandiwara Umno. Apakah komen cikgu mengenai kenyataan tersebut?

89. Apakah pandangan cikgu terhadap orang yang cuba mempolitikkan insiden pencerobohan di Lahad Datu, Sabah.
90. Apakah saranan cikgu kepada para belia untuk menilai yang mata kaca dan yang mana permata dalam aspek memilih kerajaan?

PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN

91. Adakah cikgu menerbitkan buku sendiri?
92. Apakah tajuk buku tersebut?
93. Pada tahun berapakah cikgu menerbitkan buku tersebut?
94. Dimanakah cikgu melancarkan buku tersebut?
95. Bagaimanakah sambutan terhadap buku tersebut?
96. Bagaimanakah cikgu mendapat inspirasi untuk menerbitkan buku?
97. Siapakah yang mendorong cikgu untuk menerbitkan buku?
98. Bagaimanakah tercetusnya idea cikgu untuk menghasilkan sebuah buku itu?
99. Adakah cikgu memang minat dalam bidang penulisan?
100. Dimanakah cikgu membuat penyelidikan untuk menerbitkan sebuah buku?
101. Berapa buah bukukah yang diterbitkan setakat ini?
102. Apakah kandungan buku yang diterbitkan?Bolehkah cikgu ceritakan serba sedikit tentang kandungan buku tersebut?

AKTIVITI SOSIAL

103. Apakah aktiviti sosial yang dilakukan oleh cikgu?
104. Adakah cikgu terlibat dalam PIBG di sekolah-sekolah?
105. Adakah cikgu memegang apa-apa jawatan di kampung?
106. Adakah cikgu masih melawat rakan seperjuangan cikgu yang telah bersara?
107. Cikgu sangat prihatin kepada rakan seperjuangan, dimana cikgu selalu melawat mereka. Bolehkah cikgu ceritakan bagaimana cikgu menguruskan masa cikgu dengan lawatan tersebut?

108. Adakah cikgu selalu turun padang untuk bergaul dengan penduduk setempat?
109. Apakah aktiviti-aktiviti lain yang dilakukan oleh cikgu untuk merapatkan silaturahim dengan penduduk?
110. Adakah cikgu akan menyertai aktiviti yang dilakuakn oleh penduduk kampung seperti gotong-royong, kenduri –kendara dan lain-lain?
111. Melalui kenyataan akhbar, banyak isu-isu negatif yang melibatkan siswa dan generasi muda seperti menghina lagu negaraku, tidak menghormati pemimpin dan sebagainya, boleh cikgu komen mengenai isu-isu tersebut?
112. Apa pendapat cikgu mengenai pihak yang selalu mengambil kesempatan terhadap generasi muda hanya demi kepentingan politik itu sendiri?
113. Pada pandangan cikgu apa budaya yang patut dipraktikkan oleh rakyat Negara kita supaya kejadian rusuhan dan sebagainya dapat dielakkan?
114. Apa pendapat cikgu mengenai rusuhan dan ketidakseimbangan politik yang berlaku di mesir?

PENUTUP

115. Apakah harapan atau kata-kata semangat cikgu kepada golongan belia dan mahasiswa.
116. Jadi, apakah harapan atau kata-kata semangat cikgu kepada golongan belia dan mahasiswa yang ingin menceburkan diri dalam bidang perguruan dan GPMS?
117. Cikgu mempunyai sifat kepimpinan yang kuat, jadi apakah sifat kepimpinan amat penting untuk membentuk seorang pemimpin yang berkarisma?
118. Apa kata-kata terakhir cikgu ataupun pesanan-pesanan cikgu terhadap golongan muda dan juga belia?

LOG WAWANCARA

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
00.55	Latar belakang dan keluarga	1) Taman Desa Paloh 2) Kuala Terengganu
02.58	Latar belakang pendidikan	1) Sekolah Rendah Inggeris Pasir Panjang 2) Sekolah Menengah Tengku Bariah 3) Kolej Melayu Kuala Kangsar 4) Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman 5) Maktab Perguruan Pasir Panjang 6) Universiti Putra Malaysia
04.39	Kehidupan tokoh sebagai seorang guru	1) Sekolah Kebangsaan Gondang 2) Sekolah Kebangsaan Sri Budiman 2 3) Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ahmad
08.37	Sejarah asal keturunan tokoh	1) Hadramawt, Yaman 2) Kampung Tokku, Paloh

BAHAGIAN B: PENGALAMAN BERSAMA GPMS

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
20:15	Dorongan kepada tokoh untuk menyertai Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS)	1) Tan Sri Doktor Nordin Kardi
23:16	Pengasas Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS)	1) Allahyarham Aminuddin Baki 2) Dr Siti Hasmah Mohd Ali
29:45	Jawatan yang di pegang oleh tokoh	1) Setiausaha Agung 2) Timbalan Presiden GPMS
31:30	Pemimpin Negara yang dilahirkan oleh GPMS	1) Yang Amat Berbahagia Tuan Abdullah Haji Ahmad Badawi
40:26	Anugerah yang deperoleh oleh tokoh sepanjang bersama GPMS	1) Tokoh Belia 2) Pemimpin Belia Muda 3) Perancis 4) Switzerland 5) Amerika 6) Indonesia
41:58	Kepimpinan dari dulu sehingga kini yang boleh dicontohi	1) Tunku Abdul Rahman 2) Yang Berhormat Dato Seri Mohd Najib

BAHAGIAN C: AKTIVITI SOSIAL

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
58:46	Penerbitan buku, koleksi ucapan dan artikel penulisan oleh tokoh	1) Syed Anuar pejuang Pelajar
1:00:28	Pelancaran buku Syed Anuar pejuang Pelajar	1) Hotel Tanjung Vista Kuala Terengganu 2) Yang Berhormat Dato Haji Mohd Nasir Tan Sri Ibrahim Fikri
1:04:21	Penglibatan tokoh dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)	1) Sekolah Kebangsaan Bukit Losong 2) Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ahmad 3) Kolej Vokasional Kuala Terengganu
1:04:54	Penglibatan politik tokoh dalam kawasan kampung	1) Ketua Cawangan Umno Kampung Masjid Tokku

INDEKS

A

Agung, *1, 8, 27, 29, 52, 59*
Alhamdulillah, *2*
Amerika, *26, 47, 59*
Aminuddin Baki, *14, 15, 29, 59*
Anugerah, *26*
Armarhum, *26*
Awam, *22, 28, 29*

B

Berkat, *2*
Budaya, *46, 57*

C

Cawangan, *1, 60*
Cikgu, *1, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 13, 14, 16, 17, 19, 26, 27, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 37, 39, 40, 41, 42, 45, 46, 47, 48, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 57*

E

Emosi, *43*

G

Gagasan, *1, 27, 40, 52*
Generasi, *11, 42, 43, 45, 48, 57*
GPMS, *1, 8, 13, 14, 15, 16, 17, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 29, 30, 31, 35, 37, 39, 40, 48, 53, 54, 55, 57, 59*

H

Hadramawt, *6, 58*

I

Idola, *8*
ITM, *2*

J

Jawatan, *8, 10, 19, 41, 53, 54, 55, 56*
Jentik, *9*

K

Kelantan, *1*
Kolej, *2, 8, 13, 28, 40, 58, 60*

M

Maktab, *2, 58*
Malaysia, *1, 2, 5, 8, 19, 22, 26, 27, 32, 43, 46, 47, 52, 54, 58*
Melayu, *1, 2, 7, 8, 13, 14, 15, 16, 17, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 29, 30, 31, 32, 35, 37, 39, 40, 43, 48, 52, 54, 58, 59*
Motivasi, *2, 7, 9, 20, 51*

N

Negeri, *1, 2, 6, 13, 19*
NGO, *7, 35, 48*

P

Pelajar, *1, 8, 13, 14, 15, 16, 17, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 29, 30, 31, 35, 37, 39, 40, 48, 59, 60*
Pendidikan, *1, 27, 35, 43, 52, 54*
Pengajian, *2, 16, 22, 43*
Pengalaman, *1, 9, 10, 11, 26, 51, 53, 55*
Pensyarah, *45*
PTPTL, *5*

S

Sejarah, *1, 58*
Sekolah, *2, 5, 8, 10, 13, 40, 58, 60*

Semenanjung, 1, 8, 13, 14, 15, 16, 17,
19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 29,
30, 31, 35, 37, 39, 40, 48, 59
Setiausaha, 1, 8, 27, 52, 59
STPM, 2
Sumbangan, 9
Syarifah, 4
Syarikat, 2, 9
Syed, 1, 2, 4, 6, 37, 52, 60

T

Terengganu, 1, 2, 4, 5, 6, 13, 16, 19, 37,
38, 40, 58, 60
Tokku, 6, 58, 60
Tuan, 1, 6, 52, 59

U

UiTM, 1
Universiti, 1, 2, 8, 10, 16, 19, 43, 58

Y

Yaman, 6, 58

RUJUKAN

- Biografi Aminuddin Baki: Arkitek Pendidikan Negara (Cetakan Kedua. (n.d.). *Biografi Aminuddin Baki: Arkitek Pendidikan Negara (Cetakan Kedua*. Retrieved November 21, 2013, from <http://www.ukm.my/penerbit/fx849-0-2nd.html>
- SEJARAH PENUBUHAN. (n.d.). *Gabungan Pelajar Melayu Melayu Semenanjung*. Retrieved December 21, 2013, from <http://www.gpms.my/node/149>
- Yayasan Gagasan Pelajar Melayu Semenanjung in Wilayah Persekutuan. (n.d.). *Malaysia Panpages*. Retrieved December 21, 2013, from <http://panpages.my/listings/my390319-yayasan-gagasan-pelajar-melayu-semenanjung>
- GAGASAN Semarakkan Obor Memperkasa Pendidikan. (n.d.). *Gagasan Selangor*. Retrieved December 21, 2013, from <http://gagasanselangor.wordpress.com/2010/11/13/hello-world/>
- Gabungan Pelajar Melayu Melayu Semenanjung | gpms.my. (n.d.). *Gabungan Pelajar Melayu Melayu Semenanjung | gpms.my*. Retrieved October 21, 2013, from <http://www.gpms.my/>
- Bicara Gerakan Pelajar | PKPIM. (n.d.). *Bicara Gerakan Pelajar | PKPIM*. Retrieved 22 November, 2013, from http://artikel-bicaragp.blogspot.com/2007_05_01_archive.

LAMPIRAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan TUAN SYED ANUAR BIN SYED MOHAMAD.....

Pada 13 OKTOBER 2013.....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat:

Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari 10 SEPT 2013. (tarikh). Dipersetujui pada 10 SEPT 2013..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah (interviewee)

SYED ANUAR BIN SYED MOHAMAD
Setiausaha Agung
Gagasan Pendidikan Melayu Malaysia

Dr Hj Ghazali Bin Osman
Ketua Pusat Pengajian
Pengurusan Maklumat,
Sains Pentadbiran & Pengajian
Polisi Dan Pengajian
Undang-Undang UiTM
Cawangan Kelantan.

Pejabat Timbalan Pengarah Kampus
(Hal Ehwal Akademik)
Campus Deputy Director Office
(Academic Affairs)

Universiti Teknologi MARA Kelantan

Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan, Malaysia
Website : <http://www.kelantan.uitm.edu.my>
Tel : (09) 976 2266 Faks : (09) 976 2156
Emel : tpheakln@kelantan.uitm.edu.my



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA
KELANTAN

Tarikh : 02 Oktober 2013
No. Fail : 100-KK(HEA 30/7/2)

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

<u>BIL</u>	<u>NAMA</u>	<u>NO. UiTM</u>
1.	NOR NADIRA BINTI SULAIMAN	2011848698
2.	NORUL SAHIZA BINTI IBRAHIM	2011612404


Adalah dimaklumkan bahawa penama-penama di atas merupakan pelajar dari **IJAZAH PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT**, Bahagian 5 yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan matapelajaran yang mereka ikuti iaitu **PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN**.

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahsiakan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi **NOR NADIRA BINTI SULAIMAN**.

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat yang diberikan.

Sekian terima kasih.

Yang benar


IMRAN BIN MOHAMED @ ISMAIL
Penolong Pendaftar Hal Ehwal Akademik
b/p :TIMBALAN REKTOR AKADEMIK



Gambar 1: Sesi Wawancara Bermula



Gambar 2: Sesi Penyampaian Cenderahati



Gambar 3: Keratan Akhbar Tuan Syed Anuar



Gambar 4: Keratan Akhbar tentang Gagasan



Gambar 5: Keratan Akhbar tentang Bakat Kepimpinan



Gambar 6: Keratan Akhbar Semangat Juang



Gambar 7: Kenangan Bersama Rakan Seperjuangan



Gambar 8: Kenangan Bersama Perdana Menteri



Gambar 9: Keluarga Tuan Syed Anuar bin Syed Mohamad

LAMBANG GPMS



Gambar 10: Logo Gagasan Melayu Semenanjung Malaysia

LAGU RASMI GPMS

Timbulnya Gabungan Pelajar Melayu

Setalah menempuh halangan

Bahagia hendaknya memimpin pelajar

Bagi ibu kandungan

Kekal berpanjangan, khidmat mulia

Dengan tulus dan setia

Cekal bersatu lambang kita

Menuntut hingga berjaya

Ciptaan: Allahyarham Yub Rawan